

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TERBITAN SEMAKAN

PENGGAL 77

**MAJLIS UGAMA ISLAM DAN
MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI**

PENYUSUNAN BAB-BAB

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Bab

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran
3. Perkecualian kedaulatan
4. Perkecualian kebebasan sivil dan agama

BAHAGIAN II

MAJLIS

Penubuhan

5. Penubuhan Majlis
6. Majlis menjadi pertubuhan

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

7. Hak untuk mendakwa
8. Kontrak-kontrak dan harta benda
9. Kuasa untuk mentadbir harta pusaka
10. Kuasa-kuasa dan tugas-tugas selanjutnya
11. Penyerahan harta benda
12. Penurunan kuasa-kuasa
13. Keahlian
14. Lantikan Penasihat Ugama dan Setiausaha
15. Penamatan lantikan
16. Pembatalan lantikan
17. Lantikan-lantikan sementara
18. Lantikan-lantikan hendaklah diberitahu

Perjalanan-perjalanan

19. Orang-orang luar semasa mesyuarat
20. Pengerusi
21. Korum
22. Penggunaan meterai
23. Perjalanan urusan
24. Mengundang mesyuarat-mesyuarat
25. Kuasa-kuasa Pegawai-pejawai
26. Tugas-tugas dan Kuasa-kuasa Setiausaha
27. Minit-minit
28. Susunan urusan dan undi
29. Salinan-salinan penetapan yang disahkan
30. Kehadiran-kehadiran Majlis

-
- 31. Ketidakhadiran yang tidak dijangka
 - 32. Bertindak dalam kecemasan
 - 33. Mewakilkan kuasa-kuasa
 - 34. Menyimpan rahsia
 - 35. Ahli-ahli adalah penjawat awam
 - 36. Saluran-saluran perhubungan
 - 37. Majlis boleh menetapkan peraturan-peraturannya sendiri

Kuasa dalam Hal-hal Ugama

- 38. Kuasa Majlis
- 39. Undang-undang yang patut dipatuhi

Mufti, Jawatankuasa Undang-Undang dan Jawatankuasa Kehakiman

- 40. Lantikan Mufti
- 41. Jawatankuasa Undang-Undang
- 42. Fatwa
- 43. Kuasa-kuasa yang patut diikuti
- 44. Jawatankuasa Kehakiman

BAHAGIAN III

MAHKAMAH-MAHKAMAH UGAMA ISLAM

Bidangkuasa

- 45. Lantikan-lantikan
- 46. Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Ugama Islam
- 47. Bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah Kadi Besar,

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Timbalan Kadi Besar dan Kadi-kadi

48. Keluasan bidangkuasa
49. Rayuan-rayuan
50. Pengesahan wasiat dan perkara-perkara pentadbiran

Tatacara (Am)

51. Meterai
52. Bahasa
53. Rekod-rekod
54. Peguambela-peguambela dan peguamcara-peguam-cara
55. Perwakilan dengan wakil
56. Penyampaian
57. Bukti keterangan
58. Saman untuk memberi bukti keterangan atau men-geluarkan dokumen-dokumen
59. Penangguhan
60. Waktu
61. Mahkamah-mahkamah hendaklah dibuka kepada orang ramai

Tatacara dalam Perbicaraan-perbicaraan Jenayah

62. Izin dari Majlis
63. Maklumat
64. Saman dan waran
65. Penangkapan tanpa waran

-
- 66. Perkecualian kuasa-kuasa
 - 67. Jaminan dan penahanan
 - 68. Pendakwa
 - 69. Tuduhan
 - 70. Perbicaraan
 - 71. Hukuman penjara
 - 72. Hukuman-hukuman denda
 - 73. Amaran-amaran dan ikat jaminan
 - 74. Pengampunan
 - 75. Rayuan
 - 76. Menyelesaikan harta benda
 - 77. Salah aturan
 - 78. Perkara-perkara yang tidak dipersyaratkan
 - 79. Nafkah

Tatacara dalam Perbicaraan-perbicaraan Sivil

- 80. Aduan
- 81. Cantuman dan penyatuhan
- 82. Saman dan penyampaian
- 83. Orang-orang yang telah mati dan uzur
- 84. Pembelaan
- 85. Perbicaraan-perbicaraan sambilan
- 86. Penarikan dan penyelesaian
- 87. Perbicaraan
- 88. Hukuman
- 89. Kos
- 90. Perlaksanaan hukuman

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

91. Bukti keterangan *de bene esse*
92. Penghinaan terhadap Mahkamah
93. Orang-orang miskin
94. Rayuan-rayuan
95. Salah aturan
96. Perkara-perkara yang tidak dipersyaratkan

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Amanah Khairat

97. Kumpulanwang orang-orang Islam
98. Kumpulanwang Wakaf Am
99. Escheat
100. *Wakaf dan nazar*
101. Perletakan hak
102. Sekatan-sekatan ke atas pembentukan amanah khairat
103. Pendapatan *wakaf* dan *nazar*
104. Penukaran kuasa-kuasa pelaburan dan pinjaman
105. Modal *wakaf* dan *nazar am*
106. Pengertian suratcara-suratcara

Akaun

107. Laporan Tahunan
108. Audit
109. Harta benda *wakaf* dan *nazar*
110. Anggaran-anggaran
111. Perbelanjaan-perbelanjaan Majlis
112. Bank-bank

113. Pernyataan-pernyataan Kewangan

Zakat dan Fitrah

- 114. Kuasa-kuasa Majlis**
- 115. Senarai-senarai penaksiran**
- 116. Tanggungan untuk membayar *zakat***
- 117. Tanggungan untuk membayar *fitrah***
- 118. Pembayaran *zakat***
- 119. Pembayaran *fitrah***
- 120. Resit-resit dan akaun-akaun**
- 121. Penyelesaian baki**

Kutipan untuk khairat

122. Kutipan-kutipan khairat

BAHAGIAN V

MASJID-MASJID

- 123. Majlis menjadi pemegang amanah**
- 124. Sekatan ke atas masjid-masjid baru**
- 125. Pembaikan-pembaikan**
- 126. Penutupan atau perobohan**
- 127. Sempadan-sempadan *mukim***
- 128. Daftar pegawai masjid**
- 129. Lantikan Imam**

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

8

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

130. Lantikan *pegawai masjid* yang lain
131. Pemecatan *pegawai masjid*
132. Kuasa-kuasa dan tugas-tugas
133. Kehadiran di masjid

BAHAGIAN VI

PERNIKAHAN DAN PERCERAIAN

134. Pengenaan
135. Lantikan Pendaftar-pendaftar
136. Pertunangan
137. Kuasa untuk mengakadkan nikah
138. Pernikahan-pernikahan yang tidak sah
139. Keizinan diperlukan
140. Pernikahan *janda*
141. Tempat pernikahan
142. *Mas kahwin dan Berian*
143. Pendaftaran pernikahan
144. Perceraian dengan talak
145. Perceraian atas permintaan isteri
146. Perceraian dengan taklik
147. Pembatalan pernikahan
148. Pemberian kepada isteri yang telah diceraikan
149. Timbangtara
150. Rujuk
151. Sangkaan mati
152. Kaedah dan natijah pendaftaran
153. Pemeriksaan dan salinan-salinan

- 154. Rayuan-rayuan
- 155. Pembetulan daftar-daftar
- 156. Bayaran-bayaran

BAHAGIAN VII

NAFKAH ORANG-ORANG DALAM TANGGUNGAN

- 157. Pengenaan
- 158. Isteri-isteri
- 159. Kanak-kanak halal yang belum dewasa
- 160. Orang-orang yang uzur dan berpenyakit
- 161. Kanak-kanak haram
- 162. Pembatalan dan pengubahan perintah-perintah
- 163. Penguatkuasaan perintah-perintah

BAHAGIAN VIII

ORANG-ORANG MUALAF

- 164. Mendaftar orang-orang mualaf
- 165. Kawalan bagi memeluk ugama Islam
- 166. Tiada pendaftaran bagi kanak-kanak yang memeluk ugama Islam
- 167. Pengislaman
- 168. Pengislaman hendaklah dilaporkan kepada Majlis

BAHAGIAN IX

MURTAD

- 169. Murtad

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

10

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

BAHAGIAN X

KESALAHAN-KESALAHAN

170. Pengenaan
171. Kehadiran di masjid
172. Minuman yang memabukkan
173. Makanan dalam bulan Ramadan
174. Anggapan
175. Meninggalkan isteri
176. Isteri yang ingkar
177. *Khalwat*
178. Persetubuhan luar nikah
179. Mengakadkan pernikahan secara tidak sah
180. Gagal untuk membuat laporan
181. Pengislaman yang tidak sah
182. Senghaja melalaikan tugas rasmi
183. Membocorkan rahsia
184. Masjid-masjid yang menyalahi undang-undang
185. Pengajaran agama
186. Ajaran sesat
187. *Fatwa*
188. Buku-buku agama
189. Menyalahgunakan Al-Quran
190. Penghinaan terhadap pihak-pihak berkuasa agama
191. Penghinaan terhadap agama
192. Tidak membayar *zakat* atau *fitrah*
193. Hasutan untuk meninggalkan tugas agama
194. Percubaan-percubaan dan subahat
195. Subahat bab 172 dan 173

196. Subahat oleh orang-orang yang bukan Islam

BAHAGIAN XI

AM

197. Pengawasan pegawai-pegawai
198. Kelihatan anak bulan
199. Kumpulanwang Simpanan
200. Perlindungan bagi Majlis, Ahli-ahli dan pekerja-pekerjanya
201. Pengesahan bagi keputusan-keputusan, hukuman-hukuman dan perintah-perintah
202. Perkara-perkara yang belum selesai
203. Aturan-aturan
204. Pindaan Jadual-Jadual
205. Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh mengeluarkan arahan-arahan yang berbangkit

JADUAL-JADUAL

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

12

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

AKTA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI

Suatu Akta untuk menyatukan undang-undang berkaitan dengan Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, penubuhan dan susunan pihak-pihak berkuasa agama dan peraturan-peraturan hal-ehwal ugama.

Permulaan kuatkuasa : 1 Februari, 1956.

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran
pendek

1. (1) Akta ini boleh digelar sebagai Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain -

“*anak dara*” bermakna seorang perempuan yang belum pernah kahwin atau bersetubuh ;

“*anak mukim*” bermakna orang-orang yang bermastautin secara tetap atau yang lazimnya tinggal dalam mana-mana *mukim masjid* ;

“*Kadi Besar*” bermakna Kadi Besar yang dilantik dibawah bab 45 dan jika maksudnya menerima demikian termasuk Timbalan Kadi Besar yang dilantik dengan cara yang sama ;

“*Mahkamah*” bermakna sebuah Mahkamah Ugama, iaitu Mahkamah Kadi atau Kadi Besar ;

“*idah*” bermakna tempoh dalam mana seorang perempuan yang telah diceraikan atau seorang janda ditegah oleh hukum syarak untuk bernikah semula ;

“*fitrah*” bermakna jumlah beras yang patut dibayar di bawah hukum syarak setiap tahun oleh setiap orang Islam pada hujung bulan Ramadan untuk digunakan bagi maksud-maksud ugama atau khairat yang diakui oleh hukum syarak ;

“Kumpulanwang Wakaf Am” bermakna Kumpulanwang Wakaf Am yang ditubuhkan di bawah bab 98 ;

“Kerajaan” bermakna Kerajaan Negara Brunei Darussalam ;

“*habuan*” bermakna kadar daripada mana-mana harta benda atau kumpulanwang yang boleh disimpan di bawah hukum syarak oleh seseorang dengan cara komisen atau upah bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dilaksanakan ;

“*persetubuhan luar nikah*” bermakna persetubuhan yang tidak dijumlah kepadarrogol di antara mana-mana lelaki dan mana-mana perempuan yang bukan isterinya atau yang ditegah oleh hukum syarak untuk dikahwininya ;

“*Imam*” bermakna mana-mana Imam yang dilantik di bawah Akta ini ;

“Merinyu Kanan dan Merinyu Hal Ehwal Ugama” bermakna mana-mana pegawai yang telah dilantik oleh Majlis untuk memegang jawatan itu ;

“*janda*” bermakna seorang janda atau seorang perempuan yang bukan sama ada anak dara atau perempuan yang bersuami ;

“Jawatankuasa Kehakiman” bermakna Jawatankuasa Kehakiman Majlis yang dilantik di bawah Akta ini ;

“*kadi*” bermakna seorang kadi yang dilantik di bawah Akta ini dan termasuk Kadi Besar dan Timbalan Kadi Besar ;

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

14

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

“ketua” bermakna ketua sebuah kampong yang mempunyai Tauliah yang dianugerahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi maksud-maksud Akta ini ;

“Jawatankuasa Undang-Undang” bermakna Jawatankuasa Undang-Undang Majlis yang dilantik di bawah Akta ini ;

“Majlis” bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 ;

“perempuan bersuami” bermakna seorang perempuan yang telah bersuami dan pernikahannya masih sah lagi ;

“*mas kahwin*” bermakna bayaran pernikahan yang wajib dibayar di bawah hukum syarak oleh suami kepada isteri pada ketika pernikahan tersebut diakadkan, sama ada dibayar dengan tunai atau dengan barang-barang lain, atau dibayar sebagai hutang dengan atau tanpa jaminan ;

“budak yang belum dewasa” bermakna seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun ;

“masjid” bermakna sebuah bangunan yang didirikan atau digunakan bagi maksud mengadakan sembahyang, perkhidmatan-perkhidmatan dan lain-lain upacara yang berkaitan dengan ugama Islam, dan termasuk sebuah surau ;

“Mufti” bermakna Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, yang dilantik di bawah bab 40 ;

“*mukim*” dan “*mukim masjid*” bermakna kawasan yang disediakan oleh Majlis menurut Akta ini dalam mana sebuah masjid ditempatkan ;

“*nazar*” bermakna niat yang diucapkan untuk melakukan sebarang perbuatan atau untuk menyerahkan harta benda bagi sebarang maksud yang dibenarkan oleh hukum syarak ;

“*nazar am*” bermakna niat yang bertujuan sepenuhnya atau sebahagiannya bagi faedah masyarakat Islam pada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan bukannya kepada seseorang individu atau individu-individu ;

“pegawai masjid” termasuk Dato Imam, Siraja Khatib, Tuan Imam, Udana Khatib, semua khatib, semua mudim, semua imam, semua bilal dan semua pegawai masjid yang dilantik di bawah bab 130 ;

“berian” bermakna peruntukan pernikahan yang tidak dimestikan yang dibuat oleh suami terhadap isteri pada ketika pernikahan dengan tunai atau dengan barang-barang lain ;

“penghulu” bermakna seorang penghulu bagi sebuah daerah yang mempunyai Tauliah yang di-anugerahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi maksud-maksud Akta ini ;

“Yang Dipertua” bermakna Yang Dipertua Majlis yang dilantik di bawah bab 13 ;

“Setiausaha” bermakna Setiausaha kepada Majlis yang dilantik di bawah bab 14 ;

“menandakan” bermakna menandakan di bawah tandatangan Setiausaha kepada Majlis ;

“Sultan dalam Majlis Ugama Islam” bermakna Sultan bertindak selepas berunding dengan Majlis Ugama Islam tetapi tidak semestinya menurut nasihat dari Majlis maupun semestinya hadir dalam Persidangan Majlis ;

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

16

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

“Naib Yang Dipertua” bermakna Naib Yang Dipertua Majlis yang dilantik di bawah bab 13 ;

“*wakaf am*” bermakna penyerahan modal atau pendapatan harta benda secara kekal bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diakui oleh hukum syarak, dan harta benda yang diserahkan demikian ;

“*wakaf khas*” bermakna penyerahan modal harta benda secara kekal bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diakui oleh hukum syarak dan harta benda yang diserahkan demikian dengan pendapatan dari harta benda itu dibayar kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditentukan dalam wakaf ;

“*zakat*” bermakna zakat daripada hasil tanaman yang patut dibayar setiap tahun di bawah hukum syarak mengenai tanah padi, tertakluk kepada pengecualian yang ditetapkan oleh Akta ini.

Perkecualian
kedaulatan

3. Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam Akta ini boleh melemahkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua Ugama Rasmi Negara Brunei Darussalam.

Perkecualian
kebebasan
sivil dan
agama

4. Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam Akta ini boleh melemahkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Mahkamah-Mahkamah sivil.

BAHAGIAN II

MAJLIS

Penubuhan

Penubuhan
Majlis

5. Hendaklah ditubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam yang dipanggil dalam bahasa Inggeris “The Religious Council”.

6. Majlis hendaklah menjadi sebuah pertubuhan yang di-perbadankan di bawah nama “Majlis Ugama Islam” yang turun-temurun dan mempunyai meterai pertubuhan, dan meterai tersebut boleh dari semasa ke semasa dibubar, ditukar, diubah dan dibuat baru sebagaimana yang nampaknya patut kepada Majlis, dan, sehingga suatu meterai diperuntukkan di bawah bab ini, suatu cap yang melambangkan teraan “Majlis Ugama Islam” boleh digunakan sebagai meterai pertubuhan.

Majlis
menjadi
pertubuhan

7. Majlis boleh mendakwa atau didakwa atas namanya yang diperbadankan itu.

Hak untuk
mendakwa

8. Majlis boleh membuat kontrak-kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta benda alih dan takalih dari setiap jenis, dan tertakluk kepada syarat-syarat dari mana-mana undang-undang bertulis yang menyentuh perkara yang sama boleh memindah hak, menyerah hak, menyerah balik dan menghasilkan, mencagar, menggadai janji, memajak, menyerah hak semula, memindah milik atau dengan jalan lain melepaskan, atau mengendalikan, mana-mana harta benda alih atau takalih yang diletak dalam tangan Majlis atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis dan menurut hukum syarak.

Kontrak-
kontrak
dan
harta benda

9. Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang yang telah meninggal dunia atau sebagai pemegang amanah bagi sebarang amanah.

Kuasa untuk
mentadbir
harta
pusaka

10. Majlis hendaklah mempunyai kuasa-kuasa selanjutnya dan menjalankan tugas-tugas sebagaimana yang ditetapkan kepadanya oleh undang-undang ini atau mana-mana undang-undang bertulis.

Kuasa-kuasa
dan tugas-
tugas
selanjutnya

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

18

Penyerahan harta benda

11. Semua harta benda, yang alih dan takalih daripada apa jua jenis yang mana sebaik sahaja sebelum permulaan kuatkuasa Akta ini, diletak dalam tangan Masjid Bandar Seri Begawan bagi maksud-maksud agamanya, hendaklah, pada permulaan kuatkuasa Akta ini dan tanpa sebarang pindah hak, penyerahan hak atau pindah milik apa pun juga, diletak dalam tangan Majlis bagi hak milik, harta pusaka atau faedah yang serupa dan atas pemilikan yang serupa sebagaimana yang sama diletak dalam tangan atau dipegang sebaik sahaja sebelum permulaan kuatkuasa Akta ini.

Penurunan kuasa-kuasa

12. Semua hak, kuasa-kuasa, tugas-tugas dan tanggungan-tanggungan yang, sebaik sahaja sebelum permulaan kuatkuasa Akta ini, diletak hak dalam tangan atau dikenakan ke atas Pehin Laksamana Haji Taha hendaklah, pada permulaan kuatkuasa Akta ini, diletak hak dalam tangan atau dikenakan ke atas Majlis, kecuali sejauh mana yang mungkin tidak bersesuaian dengan syarat-syarat Akta ini.

Keahlian

13. (1) Ahli-ahli Majlis hendaklah seorang Yang Dipertua, seorang Naib Yang Dipertua dan tidak kurang dari pada 6 orang Ahli-ahli lain, yang mana kesemuanya hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi tempoh yang difikirkannya patut.

(2) Kecuali bertentangan dengan apa yang terdapat dalam suratcara lantikan, setiap lantikan seperti itu hendaklah dianggap telah dibuat bagi tempoh selama 3 tahun dari pada tarikhnya.

(3) Tiada sesiapa pun boleh dilantik sebagai Ahli Majlis kecuali dia seorang lelaki yang berumur lebih daripada 21 tahun, menganut ugama Islam.

14. Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik —

- (a)** mana-mana Ahli Majlis untuk menjadi Penasihat Ugama ; dan
- (b)** mana-mana orang sama ada seorang Ahli Majlis atau tidak untuk menjadi Setiausaha Majlis.

**Lantikan
Penasihat
Ugama
dan
Setiausaha**

15. Lantikan bagi mana-mana Ahli, atau Setiausaha kepada, Majlis hendaklah tamat —

Penamatan lantikan

(a) atas kematiannya ;

(b) jika dia, secara bertulis ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Setiausaha meletak jawatan dari lantikan tersebut ; atau

(c) jika dia tidak ada di Negara Brunei Darussalam, tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia, atau, dalam hal Yang Dipertua, tanpa kebenaran bertulis daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bagi tempoh yang melebihi 3 bulan.

16. Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh membatalkan lantikan Penasihat Ugama atau mana-mana Ahli, atau Setiausaha kepada Majlis —

Pembatalan lantikan

(a) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugas-tugas lantikan tersebut ataupun tidak, pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh mendatangkan keburukan kepada Majlis ;

(b) jika bagi sebarang sebab dia tidak dapat menjalankan tugas-tugas lantikannya dengan sempurna ; atau

(c) jika dia, tanpa sebarang sebab yang munasabah untuk dibenarkan oleh Yang Dipertua, tidak hadir berturut-turut dalam 3 mesyuarat.

17. Sekiranya terdapat ketidakhadiran dan ketidaksanggupan yang sementara mana-mana Ahli, atau Setiausaha Majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik seseorang untuk memangku sementara bagi pihaknya. Lantikan sementara tersebut hendaklah tamat apabila pemegang jawatan yang tetap memberi notis kepada Yang Dipertua mengenai penyambungan semula tugas-tugas lantikannya.

Lantikan-lantikan sementara

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

20

*Majlis Ugama Islam dan
PENG. 77 Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Lantikan
lantikan
hendaklah
diberitahu

- 18.** Notis bagi semua lantikan-lantikan di bawah Bahagian ini hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Orang-orang
luar semasa
mesyuarat

- 19.** Yang Dipertua boleh mengundang ke mana-mana mesyuarat Majlis mana-mana orang yang bukan Ahli Majlis jika urusan yang dihadapi mesyuarat tersebut menjadikan kehadiran orang tersebut dikehendaki. Mana-mana orang yang diundang demikian hendaklah berhak untuk mengambil bahagian dalam perbincangan tersebut, tetapi bukan untuk mengundi.

Pengerusi

- 20.** Yang Dipertua hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis atau semasa ketiadaannya Naib Yang Dipertua hendaklah mempengerusikan atau, jika dia juga tidak ada, Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik mana-mana Ahli lain untuk memangku sebagai Pengerusi.

Korum

- 21.** Tiada sebarang urusan pun, kecuali mengenai penangguhan, boleh dijalankan dan tiada sebarang ketetapan atau tindakan Majlis boleh menjadi sah, kecuali sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli-ahli, termasuk Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua, atau seseorang yang dilantik di bawah bab 20 untuk memangku sebagai Pengerusi, hendaklah hadir.

Penggunaan
meterai

- 22.** (1) Meterai pertubuhan Majlis hendaklah tidak digunakan kecuali menurut ketetapan Majlis.
- (2) Mana-mana suratcara yang hendak dilaksanakan di bawah meterai Majlis hendaklah dimeterai di hadapan Setiausaha dan 2 orang Ahli lain Majlis yang mana semuanya hendaklah menandatangani sebagai saksi. Menandatangani demikian hendaklah menjadi bukti keterangan yang mencukupi bahawa meterai tersebut telah dibubuhkan dengan sempurna dan sepatutnya dan adalah meterai Majlis yang sah.

Perjalanan-perjalanan

(3) Dokumen-dokumen yang berikut hendaklah dilaksanakan di bawah meterai pertubuhan Majlis —

- (a) dokumen-dokumen yang mengkehendaki pendaftaran di mana-mana Pejabat Tanah ;
- (b) surat-surat kebenaran kepada *pegawai masjid* bagi mana-mana masjid ;
- (c) dokumen-dokumen yang membenarkan seseorang untuk bertindak bagi apa jua maksud atau maksud-maksud yang tertentu bagi pihak Majlis ; dan
- (d) dokumen-dokumen lain demikian atau jenis-jenis dokumen sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari masa ke semasa.

23. (1) Melainkan sebagaimana yang dipersyaratkan dengan nyata oleh Akta ini, semua urusan Majlis hendaklah dikendalikan dalam mesyuaratnya yang diadakan secara terang dan dengan ketetapan lebihsuara daripada mereka yang hadir dan berhak untuk mengundi.

Perjalanan urusan

(2) Satu ketetapan secara bertulis yang ditandatangani oleh semua Ahli Majlis hendaklah, melainkan jikalau dalam mana-mana kes yang khas atau jenis kes-kes Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarahkan yang sebaliknya, mempunyai kuatkuasa yang sama sebagai satu penetapan yang diluluskan di bawah ceraian (1).

24. (1) Semua mesyuarat Majlis hendaklah diundang oleh Setiausaha.

Mengundang mesyuarat-mesyuarat

(2) Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa mengarah Setiausaha untuk mengundang suatu mesyuarat.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

22

PENG. 77

(3) Mana-mana 4 orang Ahli Majlis boleh pada bila-bila masa secara bertulis menghendaki Setiausaha untuk mengundang suatu mesyuarat bagi Majlis tersebut, tetapi bila berbuat demikian hendaklah memaklumkan Setiausaha tentang tujuan mereka menghendaki mesyuarat tersebut untuk diundang sedemikian.

(4) Sekurang-kurangnya 3 hari notis secara bertulis hendaklah diberi bagi mana-mana mesyuarat.

Dengan syarat dalam masa kecemasan Yang Dipertua boleh mengarahkan supaya notis ditiadakan.

(5) Mana-mana notis seperti itu boleh disampaikan dengan cara sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

Dengan syarat bahawa tiada notis mesyuarat-mesyuarat diperlukan dalam hal mana-mana Ahli yang buat sementara waktu berada di luar Negara Brunei Darussalam.

Kuasa-kuasa
Pegawai-
pegawai

25. (1) Yang Dipertua hendaklah mempunyai kuasa am bagi semua pertimbangan dan perjalanan Majlis dan hendaklah bertanggungjawab kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi semua ini.

(2) Naib Yang Dipertua hendaklah semasa ketiadaan Yang Dipertua menjalankan semua kuasa Yang Dipertua dan hendaklah pada setiap waktu yang lain menjalankan tugas-tugas sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Yang Dipertua.

Tugas-tugas
dan Kuasa-
kuasa
Setiausaha

26. Setiausaha hendaklah, di bawah arahan Yang Dipertua, menjaga semua surat-menyerat dan dokumen-dokumen Majlis, termasuk semua buku akaunnya dan semua surat-ikatan hakmilik dan cagaran, dan hendaklah bertanggung-jawab umumnya bagi kutipan yang sempurna bagi, perakaunan untuk dan menyelesaikan semua tabung Majlis, dan

hendaklah dalam semua hal lain menjalankan tugas-tugas sebagaimana yang dikenakan ke atasnya oleh Akta ini atau yang diberikan kepadanya dengan arahan Yang Dipertua.

27. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit-minit bagi semua mesyuarat Majlis dan pada setiap mesyuarat minit-minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk kepada sebarang pindaan yang mungkin diperlukan.

Minit-minit

(2) Minit-minit tersebut hendaklah dimasukkan dalam buku minit Majlis dan hendaklah mengandungi laporan kata demi kata yang sepenuhnya setiap ketetapan Majlis.

(3) Dengan seberapa segera yang boleh selepas setiap mesyuarat satu salinan rang minit-minit tersebut hendaklah disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Jika setelah pengesahan rang minit-minit tersebut dipinda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah dengan serta-merta dimaklumkan tentang pindaan-pindaan yang sudah dibuat.

28. (1) Pengerusi hendaklah menetapkan susunan urusan pada mana-mana mesyuarat.

Susunan
urusan
dan undi

(2) Pengerusi boleh menentukan dalam susunan apa ahli-ahli boleh memberi ucapan dalam mesyuarat dan boleh pada bila-bila masa menghendaki mana-mana ahli untuk berhenti memberi ucapan dalam mesyuarat.

(3) Pengerusi hendaklah berhak untuk mengundi dan jika pada mana-mana penetapan terdapat persamaan undi Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

29. Suatu salinan bagi mana-mana penetapan yang disahkan oleh Setiausaha sebagai salinan penetapan yang sah hendaklah menjadi bukti keterangannya yang mencukupi dan

Salinan-
salinan
penetapan
yang
disahkan

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

24

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

semua mahkamah (termasuk Mahkamah-Mahkamah selain daripada Mahkamah-Mahkamah Ugama) hendaklah mengambil perhatian tentang tandatangan Setiausaha.

Kehadiran-
kehadiran
majlis

30. Majlis boleh hadir dalam mana-mana Mahkamah (termasuk Mahkamah-Mahkamah lain selain daripada Mahkamah-Mahkamah Ugama) atau pejabat Kerajaan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau sesiapa saja yang dilantik bagi maksud tersebut sama ada pada amnya atau mana-mana hal yang tertentu di bawah meterai Majlis.

Ketidak-
hadiran
yang tidak
dijangka

31. (1) Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua atau Setiausaha hendaklah, jika dia bermaksud untuk tidak hadir kerana bercuti atau bagi sebab-sebab lain selama lebih dari 14 hari, memohon cuti daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, siapa yang boleh memberi arahan-arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Mana-mana Ahli Majlis yang lain begitu juga hendaklah memohon kepada Yang Dipertua yang boleh memberi cuti atau menghadapkan perkara tersebut ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk arahan-arahan Baginda.

Bertindak
dalam
kecemasan

32. Dalam mana-mana hal kecemasan Yang Dipertua atau semasa ketiadaannya Naib Yang Dipertua boleh membuat atau mengarah untuk dilakukan bagi pihak Majlis mana-mana perbuatan atau perkara yang boleh dilakukan dengan sah secara penetapan Majlis :

Dengan syarat bahawa dalam mana-mana hal seperti itu satu mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dalam masa satu minggu selepas itu bagi maksud mengesahkan tindakan yang diambil dan, jika Majlis menolak untuk mengesahkan tindakan itu, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh memberi arahan-arahan ke atasnya sebagaimana yang difikirkannya patut.

33. (1) Majlis boleh mewakilkan kepada Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua atau Setiausaha atau kepada mana-mana jawatankuasa Majlis mana-mana bahagian tugas-tugas dan kuasa-kuasanya, yang bukan kuasa-kuasa kehakiman atau seakan-akan kehakiman, sebagaimana yang difikirkan-nya patut.

Mewakilkan
kuasa-kuasa

Bagi maksud-maksud bab ini kuasa-kuasa yang diberikan ke atas Majlis oleh bab 42 dan 43 hendaklah dianggap sebagai kuasa-kuasa yang seakan-akan kehakiman.

(2) Hendaklah menjadi tugas setiap jawatankuasa Majlis dan setiap orang atau badan kepada siapa sebarang kuasa Majlis mungkin diwakilkan untuk memaklumkan Majlis tentang segala perbuatan dan perkara yang dibuat olehnya atau ia sebagai jawatankuasa tersebut atau menurut perwakilan demikian.

34. Perjalanan-perjalanan Majlis hendaklah menjadi rahsia dan tiada siapa pun Ahli atau pekerja jaya boleh memberitahu atau memecahkan rahsia kepada sesiapa saja selain daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Penasihat Ugama atau mana-mana Ahli Majlis, sebarang perkara yang timbul semasa mana-mana mesyuarat, melainkan jikalau dia dengan nyatanya dibenarkan untuk berbuat demikian :

Menyimpan
rahsia

Dengan syarat bahawa syarat-syarat dari bab ini hendaklah tidak dikenakan kepada perjalanan-perjalanan dan perkara-perkara yang telah dihadapkan kepada dan telah menerima perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

35. Ahli-ahli dan Setiausaha Majlis hendaklah dianggap sebagai penjawat-penjawat awam sebagaimana yang ditentukan oleh Kanun Hukuman Jenayah.

Ahli-ahli
adalah
penjawat
awam

36. Semua perhubungan dari Majlis kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha.

Saluran-
saluran
perhubungan

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

26

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Majlis boleh
menetapkan
peraturan-
peraturannya
sendiri

- 37.** Majlis boleh, tertakluk kepada syarat-syarat dari Akta ini, menetapkan semua persoalan yang berkaitan dengan peraturan dan amalannya sendiri.

Kuasa dalam Hal-hal Ugama

Kuasa
Majlis

- 38.** Majlis hendaklah, bagi pihak dan di bawah kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua Ugama Rasmi Negara Brunei Darussalam, membantu dan menasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam semua hal yang berkaitan dengan agama rasmi Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah dalam semua hal-hal tersebut menjadi pihak berkuasa yang utama di Negara Brunei Darussalam, kecuali sejauh mana yang dipersyaratkan sebaliknya oleh Akta ini.

Undang-
undang yang
patut
dipatuhi

- 39.** Majlis hendaklah mengambil perhatian tentang dan bertindak menurut semua undang-undang bertulis yang di-kuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam, dan syarat-syarat dari Hukum Syarak.

Mufti, Jawatankuasa Undang-Undang dan Jawatankuasa Kehakiman

Lantikan
Mufti

- 40.** (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh dengan pemberitahuan yang ditunjukkan dalam *Warta Kerajaan* melantik sesiapa saja yang sesuai untuk menjadi Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana lantikan tersebut.

Dengan syarat bahawa dalam hal mana-mana kekosongan dalam lantikan Mufti kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diberikan ke atas Mufti oleh Akta ini hendaklah dijalankan oleh Penasihat Ugama.

- (2) Mufti hendaklah kerana jawatan menjadi seorang Ahli Majlis dan hendaklah tidak tertakluk kepada syarat-syarat dari ceraian (2) dari bab 13 dan bab 15 atau 16.

41. (1) Hendaklah terdapat satu Jawatankuasa Undang-Undang bagi Majlis, yang terdiri daripada Mufti, tidak kurang daripada 2 Ahli lain dari Majlis, dan tidak kurang daripada 6 orang lain yang sihat dan sempurna sama ada terdiri dari ahli Majlis ataupun tidak.

Jawatan-kuasa Undang-Undang

(2) Ahli-ahli Jawatankuasa Undang-Undang, selain daripada Mufti, hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi suatu tempoh yang Baginda fikirkan patut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada bila-bila masa boleh membatalkan mana-mana lantikan tersebut. Notis bagi setiap lantikan tersebut hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(3) Mufti hendaklah menjadi Penggerusi Jawatankuasa Undang-Undang. Semasa ketiadaannya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik seorang Penggerusi.

(4) Penggerusi dan 4 orang ahli lain dari Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah menjadi korum.

(5) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengatur peraturannya sendiri.

(6) Ahli-ahli Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah dianggap sebagai penjawat-penjawat awam sebagaimana yang ditentukan oleh Kanun Hukuman Jenayah.

Penggal 22

42. (1) Sesiapa saja boleh, dengan surat yang ditujukan kepada Setiausaha, meminta Majlis untuk mengeluarkan satu fatwa dalam mana-mana perkara mengenai undang-undang atau ajaran ugama Islam. Apabila menerima permintaan seperti itu Setiausaha hendaklah dengan serta-merta menghadapkan permintaan tersebut kepada Penggerusi Jawatankuasa Undang-Undang.

Fatwa

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

28

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

(2) Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah mempertimbangkan setiap permintaan tersebut dan hendaklah, kecuali pada pendapatnya pertanyaan yang dimaksudkan adalah tidak sungguh-sungguh atau bagi sebab-sebab lain yang baik tidak patut untuk dijawab, menyediakan satu rang fatwa terhadapnya. Jika rang fatwa itu dipersetujui sebulat suara oleh Jawatankuasa Undang-Undang atau oleh ahli-ahlinya yang hadir dan berhak untuk mengundi, Pengerusi hendaklah bagi pihak dan atas nama Majlis dengan serta-merta mengeluarkan suatu fatwa menurut rang tersebut. Jika sekiranya dalam mana-mana hal Jawatankuasa Undang-Undang tidak sebulat suara, pertanyaan tersebut hendaklah dirujuk kepada Majlis, yang mana hendaklah dengan cara yang sama mengeluarkan fatwanya menurut pendapat lebih suara Ahli-ahlinya.

Dengan syarat bahawa atas alasan-alasan khas mana-mana pertanyaan boleh dirujuk oleh Majlis ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi penetapan Baginda, dan mana-mana pertanyaan hendaklah dirujuk sedemikian ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia jika Mufti menghendaki demikian dan dalam mana-mana hal jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia membuat suatu penetapan Majlis hendaklah mengeluarkan satu fatwa menurut penetapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri membuat dan menyiarluarkan suatu fatwa atas mana-mana pertanyaan sebagaimana yang disebutkan sebelum ini.

(4) Semua fatwa dalam mana-mana perkara hukum syarak atau ajaran yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Kuasa-
kuasa
yang patut
diikut

43. (1) Dalam membuat dan memberi mana-mana fatwa dengan cara yang ditetapkan terdahulu sebelum ini Majlis dan Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah biasanya menurut kaul yang muktamad daripada mazhab Shafie :

Dengan syarat bahawa, jika difikirkan bahawa dalam mengikut kaul yang muktamad sedemikian akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, kecuali jikalau Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarah yang sebaliknya, mengikut kaul yang daif daripada mazhab Shafie :

Dengan syarat selanjutnya bahawa, jika difikirkan bahawa dalam mengikut sama ada kaul yang muktamad atau kaul yang daif daripada mazhab Shafie akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, dengan perkenan khas daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mengikut kaul daripada mana-mana 3 lagi mazhab sebagaimana yang dianggap bersesuaian, tetapi dalam mana-mana fatwa demikian, syarat-syarat dan prinsip-prinsip yang patut diikut hendaklah dibentangkan dengan keterangan yang penuh dan bersama dengan sebarang penjelasan yang perlu.

(2) Mana-mana fatwa yang diberikan oleh Majlis sama ada secara langsung atau melalui Jawatankuasa Undang-Undang, menurut syarat-syarat sebelum ini hendaklah, jika Majlis menetapkan demikian atau jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarah sedemikian, disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan selepas itu hendaklah ditetapkan ke atas semua orang Islam daripada mazhab Shafie yang tinggal di Negara Brunei Darussalam, selain daripada orang-orang Islam, yang bukan terdiri daripada bangsa Melayu, yang tertakluk kepada undang-undang persendirian selain daripada yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

44. (1) Hendaklah terdapat satu Jawatankuasa Kehakiman bagi Majlis, terdiri daripada Mufti, 2 orang ahli tetap dan sebarang bilangan ahli-ahli tambahan.

Jawatan-
kuasa
Kehakiman

(2) Ahli-ahli Jawatankuasa Kehakiman, selain daripada Mufti, hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan lantikan sedemikian hendaklah menentukan

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

30

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

sama ada mereka itu ahli tetap atau tambahan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana lantikan sedemikian. Notis bagi setiap lantikan sedemikian hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*. Kadi tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Kehakiman.

(3) Mufti hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman : Semasa ketiadaannya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik seorang Pengerusi.

(4) Jawatankuasa Kehakiman hendaklah dalam semua hal bertindak dengan Pengerusi dan 2 orang ahlinya yang lain, yang mana hendaklah terdiri daripada 2 orang ahli tetap jika mereka ada untuk bertindak, atau, semasa ketidaaan salah seorang daripada mereka atau kedua-dua ahli tetap, seorang atau dua orang, mengikut mana yang berkenaan, dari ahli tambahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengerusi bagi maksud tersebut.

(5) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, Jawatankuasa Kehakiman hendaklah mempunyai kuasa untuk mengatur peraturan-peraturan dan kelazimannya.

Penggal 22

(6) Ahli-ahli Jawatankuasa Kehakiman hendaklah dianggap sebagai penjawat awam sebagaimana yang ditakrifkan oleh Kanun Hukuman Jenayah.

(7) Jika dalam mana-mana Mahkamah selain daripada Mahkamah Ugama sebarang pertanyaan undang-undang atau ajaran Islam dihadapkan bagi keputusan, dan Mahkamah tersebut meminta pendapat dari Majlis tentang pertanyaan sedemikian pertanyaan tersebut hendaklah dirujukkan kepada Jawatankuasa Kehakiman yang mana hendaklah bagi dan bagi pihak dan atas nama Majlis, memberi pendapatnya menurut pendapat lebih suara dari ahli-ahlinya, dan mengesahkan pendapat demikian kepada Mahkamah-Mahkamah yang menghendakinya.

(8) Jawatankuasa Kehakiman hendaklah melaksanakan tugas-tugas selanjutnya dan hendaklah mempunyai hak-hak dan kuasa-kuasa selanjutnya sebagaimana yang dikenakan atau diberikan ke atasnya oleh mana-mana undang-undang bertulis.

(9) Syarat-syarat dari ceraian (1) dan (2) dari bab 43 hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaian sebagaimana yang perlu, kepada semua perjalanan Jawatankuasa Kehakiman.

Dengan syarat bahawa rujukan tidak boleh dibuat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai dengan prinsip-prinsip undang-undang yang hendak dikenakan, tetapi Jawatankuasa Kehakiman hendaklah menetapkan apa jua pertanyaan demikian atas budibicaranya sendiri.

BAHAGIAN III

MAHKAMAH-MAHKAMAH UGAMA ISLAM

Bidangkuasa

45. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik siapa saja yang sesuai untuk menjadi Kadi Besar dan untuk menjadi Timbalan Kadi Besar untuk Negara Brunei Darussalam dan boleh melantik siapa saja yang sesuai untuk menjadi Kadi bagi kawasan-kawasan sebagaimana yang ditentukannya, dan Baginda boleh pada bila-bila masa saja membatalkan mana-mana lantikan tersebut. Semua lantikan demikian hendaklah diberitahu dalam *Warta Kerajaan*.

Lantikan-
lantikan

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh dari masa ke semasa menganugerahkan atau membatalkan surat-surat lantikan kepada mana-mana Kadi Besar atau Kadi dan boleh menurut syarat-syarat mana-mana surat demikian menyekat perjalanan mana-mana kuasa yang jika tidak diberikan ke atas Kadi Besar, Timbalan Kadi Besar atau Kadi oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

32

(3) Kecuali sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, bidangkuasa dan kuasa-kuasa mana-mana Kadi Besar, Timbalan Kadi Besar atau Kadi hendaklah sebagaimana yang diberikan oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Penubuhan
Mahkamah-
Mahkamah
Ugama
Islam

46. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh dengan cara pemberitahuan yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* menubuhkan sebuah Mahkamah Kadi Besar untuk Negara Brunei Darussalam di Bandar Seri Begawan.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh dengan cara pemberitahuan yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Kadi di tempat-tempat sebagaimana yang difikirkan oleh Baginda patut, dan boleh menetapkan kawasan bidangkuasa bagi Mahkamah-Mahkamah tersebut.

Bidangkuasa
Mahkamah-
Mahkamah
Kadi Besar,
Timbalan
Kadi Besar
dan Kadi-
kadi

47. (1) Mahkamah Kadi Besar hendaklah mempunyai bidangkuasa di seluruh Negara Brunei Darussalam dan hendaklah diketuai oleh Kadi Besar atau Timbalan Kadi Besar.

(2) Sebuah Mahkamah Kadi hendaklah mempunyai bidangkuasa mengenai dengan apa jua jenis perkara sivil atau jenayah yang ditentukan kemudian daripada ini yang timbul dalam kawasan bidangkuasa yang ditetapkan, baginya di bawah bab 46, atau, jika tidak ada kawasan ditetapkan, di dalam Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah diketuai oleh Kadi yang dilantik.

Keluasan
bidangkuasa

48. (1) Mahkamah Kadi Besar hendaklah —

(a) dalam bidangkuasa jenayahnya, membincarakan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan yang boleh dihukum di bawah Akta ini, dan boleh mengenakan sebarang hukuman yang dipersyaratkan ; dan

- (b) dalam bidangkuasa sivilnya, membicarakan dan menetapkan semua tindakan dan perbicaraan dalam mana semua pihak adalah menganut ugama Islam dan yang berhubung dengan —
- (i) pertunangan, pernikahan, perceraian, permansuhan pernikahan dan perceraian menurut perintah mahkamah ;
 - (ii) sebarang penyelesaian, atau tuntutan kepada, harta benda yang terbit dari pada mana-mana hal yang dibentangkan dalam perenggan kecil (i) ;
 - (iii) nafkah orang-orang dalam tanggungan, taraf anak, penjagaan atau jagaan kanak-kanak ;
 - (iv) pembahagian, atau tuntutan kepada, harta benda sepencarian ;
 - (v) penetapan bagi orang-orang yang berhak untuk memiliki bersama harta pusaka seorang yang telah meninggal dunia yang menganut ugama Islam, atau mengenai bahagian-bahagian yang orang-orang demikian masing-masing berhak ;
 - (vi) wasiat-wasiat atau pemberian semasa hendak menghembuskan nafas dari seorang yang telah meninggal dunia yang berugama Islam ;
 - (vii) pemberian berkuatkuasa masa hidup atau penyelesaian tanpa balasan dengan

wang, atau yang boleh dinilaikan dengan wang, oleh seseorang yang berugama Islam ;

- (viii) wakaf atau nazar ; atau
- (ix) perkara-perkara lain berhubung dengan mana bidangkuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis ;

Dengan syarat bahawa tidaklah lazimnya ini membicarakan mana-mana kesalahan atau membicarakan atau menetapkan apa juu tindakan atau perbicaraan berhubung dengan mana-mana Mahkamah Kadi mempunyai bidangkuasa.

(1A) Tanpa menghiraukan perenggan kecil (iii) dari perenggan (b) ceraian (1), Mahkamah Kadi Besar hendaklah, dalam bidangkuasa sivilnya, mendengar dan menentukan semua tindakan dan perbicaraan dalam mana salah satu pihak menganut ugama Islam dan yang berhubung dengan penjagaan dan jagaan anak-anak damit”.

(2) Mahkamah Kadi hendaklah —

(a) dalam bidangkuasa jenayahnya, membicarakan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan yang boleh dihukum di bawah Akta ini yang mana hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang tidak melebihi hukuman penjara selama satu bulan atau denda sebanyak \$1000 atau kedua-duanya sekali, dan boleh mengenakan sebarang hukuman yang ditetapkan ; dan

(b) dalam bidangkuasa sivilnya, membicarakan dan menetapkan semua tindakan dan perbicaraan sebagaimana Mahkamah Kadi Besar diberi kuasa

untuk membicarakan dan menetapkan, dalam mana jumlah atau harga perkara tersebut tidak melebihi \$5,000, atau tidak boleh dianggarkan dengan wang.

(3) Tiada keputusan Mahkamah Kadi Besar atau Kadi boleh menyentuh apa jua hak-hak harta benda seseorang yang bukan berugama Islam.

49. (1) Sesuatu rayuan hendaklah terletak kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama Islam daripada apa jua keputusan Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi —

Rayuan-rayuan

(a) dalam bidangkuasa jenayahnya, oleh seseorang yang bersabit kesalahannya dan dihukum penjara atau didenda tidak kurang daripada \$200 dan rayuan demikian boleh terhadap bersabit kesalahan atau hukuman atau kedua-duanya sekali ;

(b) dalam bidangkuasa sivilnya —

(i) oleh sesiapa saja yang musykil oleh keputusan tersebut, jika jumlah yang menjadi persoalan dalam rayuan tersebut tidak kurang daripada \$1,000 ;

(ii) dalam semua perkara yang melibatkan sebarang keputusan mengenai keduukan peribadi, oleh sesiapa saja yang musykil oleh keputusan tersebut ; dan

(iii) dalam semua perkara, berhubung dengan nafkah orang-orang dalam tanggungan, oleh sesiapa saja yang musykil oleh keputusan tersebut :

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

36

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Dengan syarat bahawa tidak ada rayuan sedemikian diletakkan terhadap keputusan yang dibuat secara persetujuan ;

(c) dalam mana-mana perkara lain, jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama memberi kebenaran kepada rayuan ;

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh membenarkan mana-mana rayuan terhadap apa jua pendapat atau nasihat yang terkandung dalam mana-mana pernyataan bertulis yang dibuat di bawah syarat-syarat bab 50.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama boleh mengarah amnya atau dalam mana-mana rayuan tertentu atau jenis rayuan bahawa sesuatu rayuan dari Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi hendaklah dibicarakan oleh Jawatankuasa Kehakiman, dan dalam apa jua perkara demikian Jawatankuasa Kehakiman hendaklah membicarakan rayuan tersebut dan hendaklah menasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara bertulis mengenai dengan cara rayuan tersebut patut ditetapkan. Jika tidak ada persetujuan, setiap orang ahli hendaklah memberi pendapatnya sendiri secara berasingan.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama Islam boleh, jika sesuatu rayuan telah dibicarakan dengan cara yang dipersyaratkan dalam ceraian (2), menetapkan rayuan demikian menurut nasihat yang diberikan, tanpa perbicaraan atau pertimbangan selanjutnya :

Dengan syarat bahawa jika nasihat demikian tidak sebulat suara, atau jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama bersetuju untuk menetapkan rayuan tersebut jika tidak menurut nasihat demikian, maka pihak-pihak tersebut hendaklah lazimnya dibicarakan jika mereka menghendaki demikian.

(4) Dalam mana-mana rayuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama Islam boleh —

- (a) dalam sesuatu perkara jenayah, menolak rayuan, membatalkan atau mengubah sabitan kesalahan, membatalkan, mengubah atau mengurangkan hukuman, mengarah sesuatu perbicaraan semula atau membuat arahan lain sebagaimana yang dikehendaki oleh keadilan kes tersebut ; dan
- (b) dalam perkara sivil, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan, menjalankan mana-mana kuasa sebagaimana yang boleh dijalankan oleh Mahkamah perbicaraan, membuat perintah sebagaimana yang patut dibuat oleh Mahkamah perbicaraan atau memerintah suatu ulangbicara.

(5) Apabila di bawah mana-mana syarat Akta ini apa jua rayuan hendaklah diletakkan, sama ada ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama, Majlis Jawatankuasa Undang-Undang, Jawatankuasa Kehakiman atau sesiapa saja atau pihak berkuasa, rayuan demikian hendaklah dihadapkan dengan memberi atau membuat notis atau rayuan yang bersesuaian, atau dengan cara lain sebagaimana yang ditentukan, tetapi dalam apa jua hal dalam masa 14 hari selepas berlakunya kejadian tersebut, perkara yang ketinggalan, hukuman, perintah atau keputusan yang dirayu, atau, jika sekiranya pihak merayu pada ketika kejadian tersebut tidak menyadarinya dan dengan usaha yang munasabah tidak menyadarinya, dalam masa 14 hari selepas kejadian tersebut, perkara yang ketinggalan, hukuman, perintah, atau keputusan hendaklah diketahui oleh pihak yang merayu :

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama Islam atau orang lain atau pihak berkuasa kepada siapa rayuan dihadapkan boleh dengan

alasan khas melanjutkan masa untuk memohon rayuan, dengan tidak menghiraukan bahawa masa tersebut mungkin telah tamat.

Pengesahan
wasiat dan
perkara-
perkara
pentadbiran
Penggal 11

50. (1) Jika Pegawai Waris telah merujuk apa jua perkara kepada Mahkamah Besar di bawah syarat-syarat bab 71 dari Akta Surat Kuasa dan Pentadbiran Sumpah, Mahkamah tersebut hendaklah, tertakluk kepada syarat-syarat dari bab ini, mempertimbangkan perkara tersebut dan membuat dan menghantar kepada Pegawai Waris suatu pernyataan bertulis yang mengandungi jawapan-jawapan kepada perkara-perkara yang dirujuk oleh Pegawai tersebut.

(2) Mahkamah Kadi Besar boleh sebelum membuat pernyataan tersebut membicarakan sesiapa saja yang berkenaan mengenai mana-mana hal undang-undang dan boleh membicarakan, atau mengarahkan Mahkamah Kadi untuk mendengar bagi pihaknya, bukti keterangan tersebut sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Mahkamah Kadi Besar boleh, dan hendaklah, dalam mana-mana kes atau jenis kes jika Majlis mengarahkan demikian, atau mana-mana kes jika mana-mana pihak yang berminat menghendaki demikian, sebelum membuat pernyataan bertulis merujuk perkara tersebut kepada Jawatankuasa Kehakiman untuk pertimbangan dan hendaklah membuat pernyataan bertulis menurut jawapan-jawapan yang diberi oleh Jawatankuasa tersebut.

(4) Sesuatu pernyataan bertulis yang disahkan oleh Mahkamah Kadi Besar sebagai yang telah dibuat menurut syarat-syarat dari bab ini hendaklah dianggap mengandungi pendapat atau nasihat Majlis, menurut mana-mana yang berkenaan.

Perkara-
perkara
penjagaan
dan jagaan
di bawah
bab 48(1A)

50A. (1) Bilamana sesebuah Mahkamah Sivil dikehendaki untuk bertindak dalam mana-mana tindakan atau perbicaraan kepada mana ceraian (1A) dari bab 48 dikenakan, ianya hendaklah merujuk perkara tersebut kepada Mahkamah Kadi Besar.

(2) Mahkamah Kadi Besar hendaklah selepas itu, tetapi tertakluk kepada ceraian (3), mempertimbangkan perkara tersebut dan hendaklah membuat dan menghantar kepada Mahkamah Sivil suatu pernyataan bertulis, diperakui sebagai telah diberikan bagi maksud perkara itu, mengandungi jawapan-jawapan kepada perkara tersebut, dan Mahkamah Sivil hendaklah setelah itu bertindak menurut pernyataan tersebut.

(3) Ceraian-ceraian (2), (3) dan (4) dari bab 50 dikenakan kepada suatu rujukan di bawah bab ini sebagaimana ianya dikenakan kepada suatu rujukan di bawah bab 71 dari Akta Surat Kuasa dan Pentadbiran Pusaka dan hendaklah diertikan tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian sebagaimana yang perlu supaya ianya menepati dengan bab ini”.

Penggal II

Tatacara (Am)

51. (1) Mahkamah Kadi Besar dan setiap Mahkamah Kadi hendaklah mempunyai dan menggunakan meterai atau cap sebagaimana yang diluluskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Meterai

(2) Proses setiap Mahkamah demikian hendaklah dikeluarkan di bawah meterai Mahkamah dan tandatangan pegawai pengetuanya.

52. (1) Bahasa Mahkamah hendaklah bahasa Melayu.

Bahasa

(2) Semua dokumen dan perbicaraan-perbicaraan bertulis boleh ditulis atau ditaip sama ada dalam Jawi atau Rumi.

53. Setiap Mahkamah hendaklah menyimpan dan menjaga rekod-rekod yang lengkap dan sempurna bagi semua perbicaraannya dan akaun-akaun yang lengkap dan sempurna bagi semua urusan kewangan Mahkamah dan hendaklah mengira

Rekod-rekod

semua wang yang diterima dengan cara yang ditentukan oleh Perintah Am atau dengan cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

54. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, peguambela atau peguamcara tidak berhak untuk hadir dalam mana-mana Mahkamah Ugama bagi pihak suatu pihak bagi mana-mana perbicaraan yang kehadiran demikian bertentangan dengan syarat-syarat hukum syarak.

(2) Mana-mana peguambela atau peguamcara yang hadir sedemikian mungkin dikehendaki untuk membuat rayuan dalam bahasa Mahkamah.

Perwakilan
dengan
wakil

55. Setiap pihak bagi mana-mana perbicaraan hendaklah hadir sendiri dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah dan hadir sendiri atau dengan peguambela atau peguamcara dalam perbicaraan-perbicaraan sivil, melainkan dalam mana-mana kes Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah membenarkan secara bertulis kehadiran oleh mana-mana wakil lain.

Penyampaian

56. (1) Proses Mahkamah hendaklah disampaikan oleh seorang pegawai Mahkamah atau sesiapa saja yang dengan nyatanya dibenarkan oleh Mahkamah untuk menyampaikan proses Mahkamah tersebut, dan boleh disampaikan di mana-mana tempat dalam Negara Brunei Darussalam dan pada bila-bila masa.

(2) Dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah penyampaian hendaklah persendirian.

(3) Dalam perbicaraan-perbicaraan sivil penyampaian hendaklah, kecuali jikalau bagi sebab-sebab khas Mahkamah hendaklah memerintahkan penyampaian ganti. Penyampaian ganti hendaklah dilaksanakan dengan cara sebagaimana yang diperintah oleh Mahkamah dan hendaklah berkesan seperti penyampaian persendirian.

(4) Penyampaian sendiri hendaklah dilaksanakan kepada orang yang hendak disampaikan salinan dokumen yang asal atau yang dimeterai dan ditandatangani untuk disampaikan. Jika orang yang hendak disampaikan itu tidak mahu menerima suatu dokumen ianya bolehlah diberitahu kepadanya atau ditinggalkan dekatnya.

(5) Seseorang yang telah menyampaikan mana-mana dokumen atau perbicaraan hendaklah dengan serta-merta memfail dalam Mahkamah suatu memorandum yang menunjukkan tempat, masa dan kaedah penyampaian.

(6) Penyampaian hendaklah dibuktikan jika perlu secara bukti keterangan lisan.

57. (1) Mahkamah hendaklah mematuhi semua syarat-syarat hukum syarak yang berhubung dengan bilangan, taraf dan sifat saksi-saksi atau bukti keterangan yang diperlukan untuk membuktikan apa jua kenyataan. Kecuali sebagaimana yang disebut sebelum ini, Mahkamah hendaklah mengambil perhatian kepada undang-undang keterangan yang buat pada masa itu boleh digunakan kepada Mahkamah Besar dan Mahkamah Majistret Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah dipandu oleh prinsip-prinsip daripadanya, tetapi tidak diwajibkan untuk mengenakannya dengan tegasnya.

Bukti
keterangan

(2) Mahkamah diberi kuasa untuk mentadbirkan sumpah-sumpah dan pengakuan-pengakuan. Bukti keterangan hendaklah lazimnya diberi dengan mengangkat sumpah dengan cara yang diwajibkan ke atas orang-orang Islam, tetapi Mahkamah boleh dengan alasan-alasan khas tidak payah menggunakan sumpah dan mengambil bukti keterangan dalam pengakuan. Sesuatu pengakuan hendaklah dalam bentuk :

“Saya (nama) sesungguhnya mengaku bahawa bukti keterangan saya adalah benar, semuanya benar dan tiada lain melainkan yang benar.” Sama ada mengangkat sumpah atau membuat pengakuan seorang saksi hendaklah terikat untuk menyatakan yang benar.

Saman
untuk
memberi
bukti
keterangan
atau
mengelu-
arkan
dokumen-
dokumen

(3) Jika pada pendapat Mahkamah mana-mana saksi dengan sengaja telah memberi bukti keterangan yang palsu dalam mana-mana perbicaraan, Mahkamah hendaklah melaporkan perkara-perkara tersebut kepada Pendakwa Raya.

58. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat dari mana-mana undang-undang bertulis, Mahkamah boleh mengeluarkan saman kepada sesiapa saja untuk memberi bukti keterangan atau untuk mengeluarkan apa jua dokumen yang ada dalam milik atau kuasanya. Setiap saman demikian hendaklah disampaikan sendiri dan sesiapa saja yang disampaikan sedemikian, sama ada seorang yang berugama Islam ataupun tidak, hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk mematuhiinya.

(2) Mahkamah boleh, sebelum mengeluarkan saman-saman demikian, memerintah pembayaran bagi dan perbelanjaan sara hidup yang munasabah bagi mana-mana saksi yang tinggal lebih daripada 5 batu dari bangunan Mahkamah.

Penangguhan

59. Mahkamah boleh bagi sebab-sebab yang memuaskan menangguh mana-mana perbicaraan dari masa ke semasa dan, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari tempat ke setempat. Kecuali sebagaimana yang disebut sebelum ini, perbicaraan-perbicaraan di Mahkamah Kadi hendaklah diadakan di bangunan Mahkamah itu, dan perbicaraan-perbicaraan di Mahkamah Kadi Besar hendaklah diadakan di bangunan Mahkamah itu atau di bangunan Mahkamah bagi mana-mana Mahkamah Kadi.

Waktu

60. Mahkamah boleh menetapkan dan boleh pada bila-bila masa melanjutkan atau memendekkan masa untuk melakukan apa jua perbuatan atau perkara, dan apabila tidak menunaikan mana-mana perintah yang telah dibuat boleh meneruskannya seolah-olah pihak yang ingkar itu tidak ada hadir.

61. Setiap perbicaraan di Mahkamah hendaklah terbuka kepada orang ramai kecuali Kadi Besar mengarah yang sebaliknya.

Mahkamah-Mahkamah hendaklah dibuka kepada orang ramai

Tatacara dalam Perbicaraan-perbicaraan Jenayah

62. Tiada pendakwaan untuk apa jua kesalahan daripada bab 182, 183, 185, 186, 187 atau 190 boleh dimulakan kecuali menurut ketetapan dari Majlis yang mengizinkan pendakwaan demikian, dan suatu salinan sah ketetapan tersebut hendaklah ditunjukkan kepada Mahkamah sebelum mana-mana saman atau waran dikeluarkan. Salinan sah demikian hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod semasa perbicaraan.

Izin dari Majlis

63. (1) Suatu maklumat dengan tujuan kepada pendakwaan hendaklah dibuat secara bertulis atau secara lisan kepada pegawai pengetua Mahkamah. Jika dibuat secara lisan, hendaklah ditulis olehnya. Dalam apa jua hal dia hendaklah menghendaki pihak pemberitahu untuk bersumpah atau mengaku akan kebenaran maklumat tersebut.

Maklumat

(2) Mahkamah boleh menolak untuk mengambil sebarang tindakan terhadap maklumat demikian jika tidak berpuashati bahawa ada sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan.

64. (1) Setelah menerima maklumat tentang berlakunya suatu kesalahan di dalam bidangkuasanya untuk membicarakan, Mahkamah boleh mengeluarkan saman kepada orang yang tertuduh untuk hadir ke Mahkamah pada masa dan tempat yang dinyatakan.

Saman dan waran

(2) Saman tersebut hendaklah menyatakan secara amnya jenis kesalahan yang dituduh dan bab di bawah mana ianya boleh dijatuhkan hukuman.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
PENG. 77 Mahkamah-Mahkamah Kadi*

44

(3) Jika yang tertuduh gagal untuk mematuhi suatu saman yang telah disampaikan kepadanya, atau jika kesalahan tersebut adalah suatu kesalahan yang boleh dijatuhan hukuman penjara dan ada terdapat alasan yang baik untuk mempercayai bahawa suatu saman tidak akan berkesan, sama ada dengan sebab bahawa yang tertuduh tidak dapat ditemui atau bahawa ada kemungkinan dia tidak mematuhi saman tersebut, Mahkamah boleh mengeluarkan suatu waran yang ditujukan kepada Pesuruhjaya Polis dan pegawai-pegawai polis lain dan kepada setiap Imam dan Penghulu di Negara Brunei Darussalam yang menghendaki mereka untuk menangkap yang tertuduh dan menghadapkan ke Mahkamah. Waran tersebut hendaklah mengandungi butir-butir yang dibentangkan dalam ceraian (2). Maka yang tertuduh hendaklah ditangkap dan dihadapkan ke Mahkamah.

Penangkapan
tanpa waran

65. Mana-mana pegawai polis dan, jika diketahui tiada pegawai polis dapat diperolehi, mana-mana Penghulu atau mana-mana Imam atau mana-mana Pegawai masjid yang diberikuasa secara bertulis bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau mana-mana Merinyu Hal Ehwal Ugama boleh menangkap tanpa waran —

(a) sesiapa saja yang telah melakukan atau cuba melakukan di hadapannya satu kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini yang melibatkan pecah keamanan ;

(b) sesiapa saja yang telah melakukan di hadapannya satu kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini dan enggan atau gagal untuk memberi apabila dikehendaki nama dan alamatnya yang penuh dan benar ; atau

(c) sesiapa saja terhadap siapa waran dikeluarkan di bawah Akta ini yang masih ada kini, meskipun waran demikian tidak dimilikinya,

dan oleh sebab itu hendaklah menghadapkan orang demikian atau menyebabkannya untuk dihadapkan ke Mahkamah.

66. Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam bab-bab yang terdahulu sebelum ini menyekat atau menyentuh kuasa-kuasa bagi menangkap atau mencari yang diberikan kepada mana-mana orang oleh Undang-Undang Peraturan Jenayah atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang buat pada masa itu berkuatkuasa yang bersabit dengan peraturan jenayah mahkamah-mahkamah sivil.

Perkecualian
kuasa-kuasa

67. (1) Mahkamah boleh membenarkan jaminan kepada mana-mana orang yang tertuduh dan jaminan demikian boleh diambil secara tunai atau dijamin dengan atau tanpa penjamin-penjamin.

Penggal 7

Jaminan dan
penahanan

(2) Mahkamah boleh setelah mengeluarkan waran penangkapan memberi kuasa kepada polis untuk membenarkan jaminan menurut syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah.

(3) Kecuali jikalau jaminan dibenarkan, sesiapa saja yang ditangkap secara sah di bawah Akta ini hendaklah ditahan dalam penjara sementara menunggu perbicaraan.

(4) Perbicaraan bagi mana-mana orang yang tertuduh yang ditahan dalam penjara hendaklah diadakan seberapa cepat yang mungkin dan diutamakan daripada semua kerja Mahkamah yang lain, meskipun yang ditetapkan secara khas untuk dibicarakan.

68. Pendakwaan hendaklah dikendalikan –

Pendakwa

(a) oleh sesiapa saja yang dilantik secara bertulis oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mendakwa ;

- (b) oleh sesiapa saja yang dilantik oleh Majlis untuk mendakwa ;
- (c) oleh Pendakwa Raya ;
- (d) oleh seorang Pegawai Polis ;
- (e) oleh Imam atau Penghulu Mukim dalam mana kesalahan dilakukan ; atau
- (f) oleh pengadu ;

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun orang-orang demikian berhak untuk mendakwa jika sesiapa saja yang diisyaratkan di hadapannya dalam senarai yang terdahulu sebelum ini dapat diperolehi dan bersedia untuk berbuat demikian.

Tuduhan

69. (1) Tuduhan hendaklah dibentuk oleh pendakwa atau oleh Mahkamah dan hendaklah mengandungi butir-butir yang mencukupi tentang kesalahan yang dituduh.

(2) Kesalahan-kesalahan yang lebih daripada satu boleh dituduh dalam kesalahan-kesalahan yang berlainan dan dibicarakan bersama jika terbit daripada urusan-urusan yang sama.

(3) Lebih daripada seorang boleh dituduh dan dibicarakan bersama bagi kesalahan-kesalahan yang sama atau berlainan jika dilakukan dalam urusan yang sama.

(4) Tuduhan boleh dipinda atau diubah pada bila-bila masa sebelum keputusan, tetapi yang tertuduh hendaklah diberi peluang sepenuhnya untuk memeriksa balas atau memberi atau meminta bukti keterangan untuk memenuhi tuduhan baru.

(5) Seseorang yang dituduh dengan suatu kesalahan boleh disabitkan kesalahan bagi suatu percubaan untuk melakukan kesalahan itu.

70. (1) Mana-mana izin yang perlu untuk mendakwa hendaklah dibuktikan. Perbicaraan

(2) Yang tertuduh hendaklah dituduh dan jika mengaku salah dia boleh dijatuhkan hukuman atas pengakuan demikian.

(3) Jika yang tertuduh meminta untuk dibicarakan atau tidak mahu mengaku salah, pendakwa hendaklah merencanakan kenyataan-kenyataan yang hendak dibuktikan dan undang-undang yang berkenaan dan kemudian hendaklah memanggil saksi-saksinya.

(4) Setiap saksi –

(a) hendaklah diperiksa oleh pihak yang memanggilnya ;

(b) diperiksa balas selepas itu oleh pihak yang menentangnya dan pemeriksaan balas demikian boleh dimaksudkan bagi kebenarannya ;

(c) boleh selepas itu diperiksa semula mengenai perkara-perkara yang terbit daripada pemeriksaan balas oleh pihak yang memanggilnya ;

(d) telah mengemukakan kepadanya pada bila-bila masa sebarang pertanyaan oleh Mahkamah ; dan

(e) boleh mengemukakan kepadanya pertanyaan-pertanyaan selanjutnya atau dipanggil semula pada bila-bila masa, dengan kebenaran Mahkamah.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

48

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

(5) Selepas membicarakan saksi-saksi bagi pendakwaan Mahkamah hendaklah sama ada membuang kes tersebut atau memanggil yang tertuduh bagi pembelaannya.

(6) Jika dipanggil bagi pembelaannya, yang tertuduh boleh bercakap dalam Mahkamah dan boleh kemudiannya sama ada memberi bukti keterangan atau membuat suatu pernyataan tanpa mengangkat sumpah atau membuat pengakuan dalam hal mana dia tidak dikenakan untuk diperiksa balas, atau boleh berdiam diri ;

Dengan syarat bahawa jika yang tertuduh memberi bukti keterangan, dia boleh diperiksa balas, tetapi bukan mengenai watak atau mengenai kesalahan-kesalahan lain yang tidak dituduh.

(7) Yang tertuduh boleh kemudiannya memanggil saksi-saksinya.

(8) Yang tertuduh boleh menggulung hujah-hujahnya.

(9) Pendakwa boleh menjawab secara amnya.

(10) Mahkamah hendaklah kemudiannya sama ada mensabitkan kesalahan atau membebaskan yang tertuduh.

(11) Jika yang tertuduh disabit kesalahannya, Mahkamah boleh dimaklumkan tentang kesalahan-kesalahan yang lalu dan hendaklah mengambil perhatian terhadap apa jua rayuan untuk diringankan hukuman.

(12) Maka Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang.

(13) Pada mana-mana peringkat perbicaraan sebelum keputusan, pendakwa boleh menarik diri dan kes tersebut hendaklah kemudiannya dibuang :

Dengan syarat bahawa, jika pengadu menjadi pendakwa, dan jika dia tidak bertindak dalam mana-mana kedudukan khas yang dibentangkan dalam perkara (a) hingga (f) termasuk dari bab 68, dia tidak boleh menarik diri tanpa kebenaran Mahkamah.

(14) Mahkamah hendaklah pada setiap masa berpuas hati bahawa yang tertuduh memahami jenis dan maksud perbicaraan-perbicaraan dan mempunyai peluang yang sempurna untuk membela dirinya.

(15) Semua bukti keterangan hendaklah diberi di hadapan yang tertuduh dan hendaklah, jika dalam bahasa yang tidak difahami diterjemahkan kepadanya.

(16) Mahkamah hendaklah mencatat bukti keterangan tersebut secara bertulis dalam bentuk cerita dan hendaklah juga mencatat keputusan dan hukumannya, jika ada.

71. (1) Sebuah Mahkamah yang menjatuhkan hukuman penjara hendaklah menghantar banduan tersebut dalam jagaan seorang pegawai polis atau salah seorang daripadanya pegawai Mahkamah ke penjara dan menghantarnya kepada pegawai yang menjaga penjara bersama dengan waran bagi pengurungannya dan dari itu dia hendaklah dikurung.

Hukuman
penjara

(2) Jika banduan tersebut telah berada dalam penjara sementara menunggu perbicaraan, tempoh yang telah dihabiskan sedemikian hendaklah dianggap sebagai sebahagian dari pada tempoh yang hendak dijalankan di bawah hukuman tersebut.

(3) Mahkamah boleh atas budibicaranya memberangkan jaminan sementara menunggu rayuan, tetapi, jika rayuan sedemikian tidak didakwa dengan usaha yang sepatutnya, Mahkamah boleh memerintah penangkapan semula dan hukuman hendaklah dijalankan.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

50

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

(4) Hukuman penjara boleh dikenakan jika mungkir membuat pembayaran bagi suatu denda yang dikenakan di bawah Akta ini, tetapi tiada hukuman penjara sedemikian boleh melebihi separuh daripada tempoh penjara, jika ada, yang ditetapkan bagi kesalahan tersebut, atau 7 hari, jika kesalahan tersebut boleh dihukum hanya dengan denda sahaja.

Hukuman-hukuman denda

72. (1) Sebuah Mahkamah yang menjatuhkan hukuman denda boleh memberi masa untuk membayar, atau membenarkan bayaran secara beransur-ansur.

(2) Denda-denda boleh didapatkan dengan cara yang sama sebagaimana yang ditetapkan kemudian daripada ini bagi melaksanakan hukuman-hukuman dalam perbicaraan-perbicaraan sivil.

Amaran-amaran dan ikat jaminan

73. (1) Sebagai menggantikan sabit kesalahan sesiapa saja Mahkamah boleh memberi amaran atau melepaskannya, dan sebagai ganti menghukum sesiapa yang sabit kesalahannya Mahkamah boleh mengikatnya untuk berkelakuan baik bagi suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun dan boleh menerima jaminan dalam apa jua jumlah dengan atau tanpa penjamin atau wang pendahuluan.

(2) Apabila melanggar syarat-syarat dari mana-mana jaminan demikian telah terbukti, Mahkamah boleh memerintahkannya untuk dikuatkuasakan seolah-olah jumlah yang patut dibayarnya merupakan suatu denda atau, jika wang pendahuluan telah dibayar, boleh memerintah wang pendahuluan sedemikian atau mana-mana bahagian daripadanya untuk dirampas.

(3) Suatu rayuan hendaklah terletak daripada mana-mana perintah yang dibuat di bawah bab ini.

Pengam-punan

74. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh meringankan, menggantung atau mengurangkan mana-mana hukuman atau sebahagian daripadanya.

(2) Tiada sebarang apa pun yang terkandung di dalam ini boleh menyentuh hak Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menjalankan kedaulatannya untuk memberi pengampunan.

75. (1) Rayuan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama hendaklah dihadapkan dengan membuat, dalam Mahkamah yang menjatuhkan hukuman yang dirayu, permohonan bagi rayuan yang dihadapkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, yang membentang selanjutnya butir-butir hukuman yang diadu, sama ada rayuan tersebut terhadap sabit kesalahan atau hukuman atau kedua-duanya sekali, dan alasan-alasan rayuan, dan dengan membayar bayaran yang ditetapkan, jika ada. Rayuan demikian hendaklah dibuat tidak lebih daripada 14 hari selepas hukuman dijatuhkan.

Rayuan

(2) Apabila menerima rayuan demikian, Mahkamah hendaklah menyediakan dan menghadapkan dalam empat salinan kepada Setiausaha untuk dihadapkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau, jika diarah sedemikian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Jawatankuasa Kehakiman, suatu rekod yang mengandungi satu salinan rayuan tersebut, satu salinan tuduhan dan keizinan untuk mendakwa, jika ada, salinan-salinan apa jua barang-barang kes yang berkenaan dan satu salinan hukuman Mahkamah atau perintah dan alasan-alasan hukuman. Setiap salinan rekod tersebut hendaklah disahkan betul oleh pegawai pengetua Mahkamah dan dimeterai. Pihak merayu hendaklah berhak untuk menerima satu salinan rekod tersebut setelah membayar bayaran yang ditetapkan, jika ada, dan Mahkamah hendaklah, tanpa bayaran, menghantar satu salinannya kepada pendakwa, yang mana hendaklah hadir sebagai pihak penentang kepada rayuan tersebut.

76. Mahkamah boleh membuat perintah-perintah bagi menyelesaikan harta benda yang dibawa di hadapannya semasa perbicaraan-perbicaraan jenayah mengenai kesalahan yang dilakukan.

Menyelesai-
kan
harta benda

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

52

*Majlis Ugama Islam dan
PENG. 77 Mahkamah-Mahkamah Kadi*

**Salah
aturan**

77. Tatacara-tatacara yang salah hendaklah tidak menyebabkan perbicaraan-perbicaraan menjadi tidak sah atau batal, kecuali jikalau terbukti benar-benar telah menyebabkan ketidakadilan atau kesusahan kepada yang tertuduh.

**Perkara-
perkara yang
tidak
dipersyarat-
kan**

78. Dalam perkara-perkara amalan dan tatacara dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah, yang tidak dipersyaratkan dengan nyatanya dalam Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Mahkamah hendaklah mengambil perhatian untuk mengelakkan ketidakadilan dan penyelesaian urusan dengan mudah dan boleh dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah mengambil perhatian kepada amalan dan tatacara yang diamalkan di mahkamah-mahkamah sivil.

Nafkah

79. Perbicaraan-perbicaraan di bawah Akta ini berhubung dengan nafkah orang-orang dalam tanggungan hendaklah dianggap sebagai perbicaraan-perbicaraan sivil.

Tatacara dalam Perbicaraan-perbicaraan Sivil

Aduan

80. (1) Semua perbicaraan sivil di Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi hendaklah dihadapkan dengan membuat suatu aduan, atau dengan membuat aduan lisan kepada pegawai pengetua Mahkamah tersebut, dan dalam apa jua hal membayar bayaran yang ditetapkan untuk suatu aduan. Dalam hal aduan lisan Mahkamah hendaklah merangkan suatu aduan untuk pihak menuntut, yang mana hendaklah ditandatangani dan difail olehnya.

(2) Aduan tersebut hendaklah mengandungi nam-nama, alamat-alamat dan perihal pihak-pihak tersebut, pernyataan ringkas mengenai alasan tindakan, tanpa alasan dan keterangan yang tidak diperlukan, dan suatu pernyataan tentang pelepasan yang dituntut dan hukuman yang dipohonkan.

81. (1) Lebih daripada seorang boleh dicantum sebagai pihak menuntut atau pihak kena tuntut, dan lebih daripada satu alasan tindakan boleh dikemukakan dalam perbicaraan-perbicaraan yang sama, tetapi Mahkamah boleh mengarahkan perbicaraan yang berasingan atas budibicaranya.

Cantuman
dan
penyatuan

(2) Mahkamah boleh atas budibicaranya membicarakan 2 atau lebih perbicaraan serentak jika berkaitan dengan persoalan kenyataan atau undang-undang yang sama.

82. (1) Selain daripada aduan asal, pihak menuntut hendaklah menyampaikan kepada Mahkamah satu salinan daripadanya untuk setiap pihak kena tuntut.

Saman dan
penyampaian

(2) Mahkamah hendaklah mengeluarkan saman kepada setiap pihak kena tuntut dan saman tersebut hendaklah disampaikan kepadanya dengan satu salinan aduan. Saman tersebut hendaklah mengarah pihak kena tuntut untuk hadir untuk memenuhi tuntutan tersebut di tempat, tarikh dan masa yang dinyatakan, dan hendaklah mengingatkannya bahawa, jika sekiranya dia tidak hadir, Mahkamah boleh bertindak untuk memberikan tuntutan tersebut semasa ketiadaannya.

83. (1) Tiada sesiapa pun kecuali seorang pentadbir atas wasi yang telah dilantik secara sah yang telah membuktikan wasiat tersebut boleh mewakili atau bertindak bagi pihak harta pusaka seseorang yang telah mati :

Orang-orang
yang telah
mati dan uzur

Dengan syarat bahawa, seorang waris boleh menuntut bahagiannya dari harta pusaka orang yang telah mati terhadap sesiapa saja yang memiliki secara tidak sah mana-mana harta benda orang yang telah mati itu.

(2) Jika mana-mana pihak bagi mana-mana perbicaraan adalah seorang budak yang belum dewasa, atau seseorang yang akalnya tidak sempurna, Mahkamah boleh melantik sesiapa saja yang layak dan sempurna, yang tidak mempunyai kepentingan yang bertentangan dengannya, untuk

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

54

PENG. 77

mewakilinya dalam perbicaraan-perbicaraan demikian. Penjaga yang sah atau sejati bagi seorang budak yang belum dewasa, atau jawatankuasa seseorang yang tidak sempurna akalnya, jika ada, hendaklah lazimnya dilantik, jika bersedia untuk bertindak.

Pembelaan

84. (1) Mana-mana pihak kena tuntut boleh membuat suatu pembelaan secara bertulis, dan dalam hal demikian hendaklah menyampaikan ke Mahkamah satu salinan dari padanya untuk setiap pihak menuntut, yang akan disampaikan oleh Mahkamah.

(2) Jika pihak kena tuntut, pada masa kehadirannya yang pertama, belum membuat pembelaan dan tidak bertujuan untuk berbuat sedemikian, tetapi bertujuan untuk membela tindakan tersebut, Mahkamah hendaklah memastikan secara lisan mengenai alasan-alasan pembelaannya, dan tidak boleh selepas itu menerbitkan alasan-alasan pembelaan yang lain tanpa kebenaran Mahkamah.

(3) Jika pihak kena tuntut bertujuan untuk membuat pembelaan, Mahkamah hendaklah menetapkan masa dalam mana dia hendaklah berbuat sedemikian, lazimnya tidak melebihi 7 hari sebelum perbicaraan.

(4) Jika pihak kena tuntut ingin menimbulkan perkara-perkara dengan cara menuntut balas, Mahkamah boleh sama ada membenarkannya untuk berbuat demikian, atau mengarahkannya untuk membuat perbicaraan yang berasingan.

Perbicaraan-
perbicaraan
sambilan

85. Mahkamah boleh atas permohonan mana-mana pihak membuat perintah-perintah sementara bagi maksud menahan mana-mana harta benda yang menjadi persoalan, sementara menunggu perbicaraan, atau memudahkan perbicaraan atau membicarakan perbicaraan-perbicaraan, dan boleh membenarkan pindaan bagi mana-mana perbicaraan atau pembebulan bagi sebarang kesalahan, menurut syarat-syarat sebagaimana yang patut. Mana-mana permohonan sedemikian boleh dibuat secara lisan, tetapi mana-mana pihak yang terlibat kerananya hendaklah diberi peluang untuk dibicarakan.

86. (1) Pihak menuntut boleh menarik balik mana-mana perbicaraan pada bila-bila masa, tetapi hendaklah dikenakan untuk membayar perbelanjaannya, dan tidak boleh membawa mana-mana perbicaraan lain atas alasan tindakan yang sama tanpa kebenaran Mahkamah.

Penarikan
dan
penyelesaian

(2) Pihak-pihak bagi mana-mana perbicaraan boleh bertolak ansur dan menyelesaikan perbicaraan tersebut pada bila-bila masa : Mahkamah hendaklah, jika dikehendaki sedemikian oleh mana-mana pihak, mencatat syarat-syarat bagi mana-mana penyelesaian sedemikian.

Dengan syarat bahawa tiada penarikan dan penyelesaian dibuat oleh wakil peribadi harta benda seseorang yang telah mati atau oleh seorang wakil yang dilantik di bawah ceraian (2) dari bab 83 tanpa kebenaran Mahkamah, yang mempunyai perhatian yang sepatutnya bagi kepentingan waris-waris orang-orang yang diwakili.

87. (1) Jika, pada masa yang telah ditentukan bagi perbicaraan, pihak menuntut tidak hadir, perbicaraan-perbicaraan boleh dibuang : jika pihak menuntut hadir, tetapi pihak kena tuntut tidak hadir, pihak menuntut boleh membuktikan kesnya dan Mahkamah boleh memberi keputusan :

Perbicaraan

Dengan syarat bahawa —

(a) dalam apa jua kes Mahkamah boleh atas budi-bicaranya memerintahkan suatu penangguhan ; dan

(b) Mahkamah boleh menguruskan tuntut balas meskipun tuntut balas tersebut dibuang.

(2) Jika pihak kena tuntut hadir dan menerima tunutan pihak menuntut Mahkamah boleh memberi keputusan tanpa membincarakan bukti keterangan.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

56

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

(3) Jika pihak kena tuntut ingin untuk membela, pihak terhadap siapa keputusan akan diberikan atas rayuan-rayuan dan pengakuan yang dibuat, jika tiada bukti keterangan diambil, hendaklah mempunyai hak untuk mulai.

(4) Setiap pihak boleh bercakap dalam Mahkamah dan boleh kemudiannya memberi bukti keterangan dan memanggil saksi-saksinya, yang akan diperiksa dan boleh diperiksa balas, periksa semula, disoal oleh Mahkamah dan dipanggil semula dengan cara yang sama sebagaimana yang ditetapkan dalam bab 70 untuk perbicaraan-perbicaraan jenayah. Selepas tamat memberi bukti keterangan setiap pihak boleh menggulung hujah-hujahnya, tetapi supaya pihak yang mulai berpeluang untuk bercakap akhirnya.

(5) Mahkamah boleh meminta mana-mana bukti keterangan yang dianggap perlu :

Dengan syarat bahawa tidak ada pihak dipaksa untuk memberi bukti keterangan jika tidak dengan kehendaknya.

(6) Selepas itu Mahkamah hendaklah memberi keputusan dalam Mahkamah terbuka, sama ada pada saat itu atau pada masa yang terkemudian yang mana notis hendaklah diberi kepada pihak-pihak tersebut.

Hukuman

88. (1) Setiap hukuman Mahkamah hendaklah selepas penyerahan dibuat secara bertulis, dibubuh tarikh, ditandatangi oleh pegawai pengetua Mahkamah, dan dimeterai-kan, dan hendaklah disimpan bersama dengan rekod.

(2) Mana-mana pihak hendaklah berhak apabila telah membayar bayaran yang ditetapkan untuk memperolehi salinan sah hukuman tersebut.

(3) Suatu hukuman boleh menetapkan hak-hak pihak-pihak di antara mereka sendiri, atau boleh memerintahkan satu pihak untuk melakukan sebarang perbuatan atau benda termasuk pembayaran wang, atau kedua-duanya sekali.

89. Mahkamah boleh atas budibicaranya memerintahkan mana-mana pihak untuk membayar sebarang perbelanjaan bagi mana-mana perbicaraan, termasuk perbelanjaan perjalanan dan sara hidup bagi pihak-pihak dan saksi-saksi, dan hendaklah sendirinya menaksirnya jumlah bagi sebarang perbelanjaan yang diperintahkan sedemikian untuk dibayar.

Perbelanjaan

90. (1) Jika sesiapa saja yang terikat oleh mana-mana hukuman atau perintah Mahkamah gagal untuk memenuhi hukuman atau perintah tersebut dalam tempoh masa sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah, maka Mahkamah boleh, atas permohonan sesiapa saja yang berhak untuk mendapat faedah di bawah hukuman atau perintah demikian, atau atas kehendaknya sendiri, menghantar satu salinan sah hukuman atau perintah demikian kepada mana-mana Mahkamah Majistret yang mempunyai bidangkuasa di tempat di mana Mahkamah yang memberi atau membuat hukuman tersebut terletak, bersama dengan suatu permintaan yang ditujukan kepada Majistret supaya hukuman atau perintah demikian boleh dilaksanakan, dan ianya hendaklah oleh kerana itu sah bagi Mahkamah Majistret untuk melaksanakan hukuman atau perintah demikian untuk menjalankan semua kuasa tambahan yang berhubung dengannya, termasuk kuasa-kuasa penangkapan dan mempenjarakan dan mengeluarkan saman hukuman siberhutang, dengan cara yang sama sebagaimana yang boleh dilakukan jika hukuman atau perintah tersebut telah diberi atau dibuat oleh ianya sendiri :

Perlaksanaan
hukuman

Dengan syarat bahawa, jika jumlah yang patut dibayar di bawah hukuman atau perintah tersebut atau nilai hal perkara daripadanya melebihi \$5,000, syarat-syarat yang terdahulu hendaklah dibaca seolah-olah perkataan "Mahkamah Tinggi" dan "Hakim" masing-masing diganti dengan "Mahkamah Majistret" dan "Majistret".

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

58

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Penggal 6

(2) Mahkamah Kadi Besar hendaklah yang berkenaan dengan perlaksanaan hukuman-hukuman dan perintah-perintahnya sendiri mempunyai semua kuasa dan tugas-tugas demikian sebagaimana yang diberikan dan dikenakan ke atas majistret-majistret berkenaan dengan perlaksanaan hukuman-hukuman dan perintah-perintah Mahkamah Majistret oleh Akta Mahkamah Rendah.

(3) Mahkamah Kadi boleh, sebagai mengganti perbicaraan di bawah ceraian (1), dalam keadaan yang sama dan dengan cara perintah Mahkamah Kadi dan oleh kerana itu Mahkamah Kadi Besar boleh melaksanakan hukuman dan perintah tersebut dan boleh menjalankan semua kuasa demikian yang berkenaan dengannya sebagaimana yang diberikan oleh ceraian (1) ke atas Mahkamah Majistret.

Bukti
keterangan
de bene esse

91. Mahkamah boleh, jika nampaknya ada kemungkinan bahawa mana-mana saksi yang dimaksudkan dalam mana-mana perbicaraan tidak boleh memberi bukti keterangan semasa perbicaraan, mencatat bukti keterangan saksi tersebut secara bertulis dan bukti keterangan demikian boleh digunakan sebagai bukti keterangan semasa perbicaraan :

Dengan syarat bahawa mana-mana pihak lawan hendaklah telah diberi peluang yang sepatutnya untuk hadir dan memeriksa balas.

Penghinaan
terhadap
Mahkamah

92. (1) Jika sesiapa yang didapati bersalah kerana berkelakuan tidak baik dalam Mahkamah sehingga perbuatan demikian mengganggu kesempurnaan perjalanan urusan Mahkamah, Mahkamah boleh menyebabkannya untuk ditangkap oleh mana-mana pegawai polis atau pegawai dari Mahkamah dan ditahan sehingga Mahkamah ditangguhkan, bila dia boleh dibebaskan tanpa menyentuh mana-mana perbicaraan selanjutnya.

(2) Jika sesiapa yang ditangkap di bawah ceraian (1), atau didapati bersalah melakukan sebarang penghinaan terhadap kuasa Mahkamah yang sah, Mahkamah hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada Pendakwa Raya atau kepada Pesuruhjaya Polis.

93. Kebawah Duli Yang Maha Mulia, atau sesiapa saja kepada siapa Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh menyerahkan kuasa-kuasa demikian, boleh secara bertulis memberi kebenaran kepada sesiapa saja untuk mendakwa, membela atau merayu dalam mana-mana perbicaraan sebagai seorang yang miskin, dan dalam hal demikian bayaran mahkamah yang biasanya dibayar berkenaan dengan perbicaraan-perbicaraan tersebut tidak akan dibayar oleh orang demikian, tetapi hendaklah diketepikan.

Orang-orang
miskin

94. (1) Suatu rayuan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama Islam hendaklah dihadapkan dengan membuat, dalam Mahkamah yang memberi dan membuat hukuman atau perintah yang dirayu, suatu notis rayuan yang dialamatkan kepada Mahkamah, dan dengan membayar bayaran yang ditetapkan. Notis demikian hendaklah dibuat tidak lebih dari 14 hari selepas hukuman atau perintah tersebut diberi atau dibuat, dan satu salinannya hendaklah disampaikan dengan secepat mungkin kepada setiap pihak menentang.

Rayuan-
rayuan

(2) Pegawai Pengetua Mahkamah hendaklah selepas itu menyediakan dan menandatangani alasan-alasan hukumannya, dan hendaklah memberi kepada pihak merayu, setelah membayar bayaran yang ditetapkan, satu salinan alasan tersebut, satu salinan nota perbicaraan-perbicaraannya dan salinan-salinan mana-mana dokumen lain yang telah dinyatakan oleh pihak merayu bahawa dia memerlukannya untuk membolehkannya menyediakan rekod.

(3) Bila dokumen-dokumen yang disebut dalam ceraian (2) itu telah sedia, Mahkamah hendaklah memberi notisnya kepada pihak merayu, dan dalam masa 21 hari

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

60

PENG. 77

selepas menerima notis demikian pihak merayu hendaklah membuat dalam Mahkamah salinan-salinan rekod rayuan yang mencukupi.

(4) Empat salinan daripada rekod tersebut hendaklah dihadapkan oleh Mahkamah kepada Setiausaha untuk dihadapkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau kepada Jawatankuasa Kehakiman, dan satu salinan hendaklah disampaikan kepada setiap pihak menentang kepada rayuan tersebut.

(5) Rekod rayuan tersebut hendaklah mengandungi suatu rayuan yang dialamatkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menyatakan alasan-alasan bantahan pihak merayu kepada hukuman atau perintah yang dirayu, satu salinan aduan, satu salinan mana-mana pembelaan bertulis, salinan-salinan mana-mana perintah sambilan, satu salinan nota Mahkamah mengenai perbicaraan-perbicaraan tersebut, salinan-salinan semua barang kes dan bukti keterangan suratan, satu salinan hukuman atau perintah, satu salinan alasan-alasan hukuman, satu salinan notis rayuan dan satu panduan.

(6) Jika rekod tersebut salah aturannya, atau dibuat tidak mengikut masa, atau jika mana-mana pihak menentang belum disampaikan rekod tersebut, Mahkamah hendaklah memaklumkan Setiausaha mengenai kenyataan-kenyataan demikian.

(7) Suatu pihak menentang kepada sesuatu rayuan boleh memberi notis kepada Mahkamah dan pihak-pihak yang lain bahawa dia bermaksud untuk membantah supaya hukuman atau perintah yang dirayu itu diubah, dan notis demikian hendaklah berjalan sebagai rayuan balas.

(8) Mahkamah boleh atas budibicaranya membenarkan penangguhan perlaksanaan mana-mana hukuman atau perintah sementara menunggu rayuan.

95. Tiada rayuan boleh dibenarkan, atau ulangbicara di-perintahkan atas alasan-alasan menyalahi peraturan, atau menerima atau menolak bukti keterangan dengan salah ke-cuali jikalau telah disebabkan kerana tidak adil.

Salah aturan

96. Dalam perkara-perkara amalan dan peraturan dalam perbicaraan-perbicaraan sivil, yang tidak ditetapkan dengan nyatanya dalam Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, Mahkamah boleh menggunakan peraturan demikian sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mengelakkan ketidakadilan dan menyelesaikan perkara-perkara yang dipersoalkan di antara pihak-pihak tersebut, tetapi tanpa menyentuh keluasan makna yang terdahulu, menggunakan amalan dan peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini dalam Mahkamah-Mahkamah Majistret dalam perbicaraan-perbicaraan sivil.

Perkara-perkara yang tidak dipersyarat-kan

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Amanah Khairat

97. Kumpulanwang yang dikenali sebagai Kumpulanwang Ugama Islam dan semua pelaburan dan harta milik dari-padanya hendaklah, apabila berjalan kuatkuasa Akta ini, dengan serta-merta diletak dalam tangan Majlis dengan cara dan bagi maksud-maksud yang dibentang di bawah ini.

Kumpulan-wang orang-orang Islam

98. Semua harta benda, pelaburan dan kumpulanwang, termasuk kumpulanwang sebelum ini yang menjadikan Kumpulanwang Ugama Islam, yang diberikan dari masa ke semasa dalam Majlis bagi maksud-maksud Akta ini, selain daripada harta benda yang dipegang, menurut syarat-syarat Akta ini atau mana-mana amanah, *wakaf* atau *nazar*, yang menyentuh syarat-syarat Akta ini atau mana-mana amanah, bagi maksud yang tertentu atau tertakluk kepada amanah yang dinyatakan dengan tertentu, bersama dengan pendapatan daripadanya,

Kumpulan-wang Wakaf Am

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
PENG. 77 Mahkamah-Mahkamah Kadi*

62

hendaklah menjadi Kumpulanwang Wakaf Am Majlis dan hendaklah dipegang oleh Majlis yang diamanahkan bagi maksud-maksud khairat demikian bagi menyokong dan mengembangkan ugama Islam, atau untuk faedah orang-orang Islam di Negara Brunei Darussalam menurut hukum Syarak, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis dari masa ke semasa.

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh memberi kepada Majlis arahan-arahan, tidak berlawanan dengan hukum syarak atau dengan syarat-syarat Akta ini, mengenai dengan perbelanjaan bagi mana-mana bahagian daripada Kumpulanwang Wakaf Am atau pendapatan daripadanya dan boleh, dengan cara yang sama, membatalkan mana-mana cadangan perbelanjaan daripadanya.

Escheat

99. Jika selepas permulaan kuatkuasa Akta ini, sesiapa saja orang Islam yang meninggal dunia dalam keadaan, di bawah syarat-syarat hukum syarak, hartanya terdahulu daripada permulaan kuatkuasa Akta ini telah diletak dalam tangan, atau yang telah dibayar kepada kumpulanwang yang dikenali sebagai Kumpulanwang Ugama Islam, harta benda orang demikian hendaklah menurut syarat-syarat hukum syarak, diletak dalam tangan dan boleh dibayar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Wakaf Am.

*Wakaf dan
nazar*

100. Dengan tidak menghiraukan mana-mana syarat yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau akuan yang membuat menguasai dan menyentuh suratcara atau akuan tersebut, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua *wakaf*, sama ada *wakaf am*, atau *wakaf khas*, bagi semua *nazar am*, dan semua amanah dari setiap jenis yang membuat mana-mana amanah khairat bagi menyokong dan mengembangkan ugama Islam menurut hukum syarak, setakat mana-mana harta benda yang terlibat dengannya dan terletak di Negara Brunei Darussalam

dan, jika penduduk atau orang lain yang membuat amanah, *wakaf* atau *nazar am* tersebut menetap di Negara Brunei Darussalam, setakat semua harta benda yang terlibat dengannya di mana sahaja letaknya.

101. (1) Semua harta benda tertakluk kepada syarat-syarat dari bab 100 hendaklah, jika terletak di Negara Brunei Darussalam, dan, jika harta benda tersebut mengandungi tanah, apabila didaftarkan di bawah Undang-Undang Tanah yang diletak dalam tangan Majlis, tanpa sebarang pindah hak, penyerahan hak atau pindah milik apa pun, bagi maksud-maksud amanah tersebut, *wakaf* atau *nazar am* yang menyentuh harta benda tersebut.

Perletakan hak

Penggal 40

(2) Majlis hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meletak hak pada dirinya bagi maksud-maksud yang sama mana-mana harta benda yang terletak di tempat lain daripada Negara Brunei Darussalam.

102. (1) Sama ada dibuat atau tidak dengan cara wasiat atau pemberian ketika hendak mati, *wakaf* atau *nazar* yang dibuat selepas permulaan kuatkuasa Akta ini dan yang melibatkan lebih daripada satu pertiga daripada harta benda orang yang membuat *wakaf* atau *nazar* tersebut adalah tidak sah berkenaan dengan yang lebih daripada satu pertiga demikian, kecuali jikalau dengan nyatanya diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara bertulis.

Sekatan-sekatan ke atas pembentukan amanah khairat

(2) Setiap *wakaf khas* atau *nazar* yang dibuat selepas permulaan kuatkuasa Akta ini hendaklah menjadi tidak sah kecuali jikalau —

(a) Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah dengan nyatanya memperkenankan dan mengesahkan *wakaf khas* atau *nazar* tersebut secara bertulis ; atau

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

64

PENG. 77

(b) ianya telah dibuat semasa sakit teruk daripada mana sipembuatnya berikutnya telah mati dan telah dibuat secara bertulis dengan suatu suratcara yang dilaksanakan olehnya dan disaksikan oleh seorang daripada pegawai masjid dari mukim masjid dan sama ada oleh penghulu daerah atau ketua kampung tersebut, di mana sipembuat tersebut tinggal.

(3) Bab ini tidak berjalan kuatkuasanya untuk memberi pengesahan bagi mana-mana wasiat, pemberian ketika hendak mati, *wakaf* atau *nazar* yang tidak sah di bawah syarat-syarat hukum syarak.

Pendapatan
wakaf dan
nazar

103. (1) Pendapatan daripada wakaf khas, jika diterima oleh Majlis, hendaklah dikenakan olehnya menurut syarat-syarat yang sah daripada wakaf khas demikian.

(2) Pendapatan daripada setiap *wakaf* lain dan setiap *nazar am* hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Wakaf Am.

Penukaran
kuasa-kuasa
pelaburan
dan
pinjaman

104. (1) Majlis tidak boleh, tanpa perkenan secara bertulis daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, menjual, memindah atau melepaskan, atau mencagar, menggadai atau menghalang, mana-mana harta benda takalih yang diletak dalam tangannya bagi maksud-maksud Akta ini, sama ada menjadi atau tidak sebahagian daripada Kumpulanwang Wakaf Am :

Dengan syarat bahawa ianya hendaklah sah bagi mana-mana harta benda takalih demikian untuk diperolehi secara paksa atau disimpan oleh Kerajaan bagi suatu maksud awam dengan cara yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Kecuali sebagaimana yang disebut sebelum ini, mana-mana pelaburan, hartamilik dan kumpulanwang yang diletak dalam tangan Majlis boleh dijual, dihasilkan atau dilepaskan, dan ianya dan keuntungan-keuntungan daripadanya boleh dilabur dari masa ke semasa dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu bagi

pelaburan kumpulanwang amanah, atau dalam atau ke atas hak milik bagi mana-mana harta benda takalih yang terletak dalam Negara Brunei Darussalam.

(3) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk memajakkan mana-mana harta benda takalih yang diletakkan dalam tangannya menurut syarat-syarat yang difikirkan patut dan tidak berlawanan dengan mana-mana amanah yang menyentuh harta benda takalih tersebut.

(4) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk meminjam wang sama ada tanpa jaminan atau bila ada jaminan daripada mana-mana harta milik dari Kumpulanwang Wakaf Am dengan cara dan setakat mana yang dibenarkan secara bertulis oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Mana-mana wang yang dipinjam sedemikian hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Wakaf Am.

105. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat dari ceraian (2) dan (3), modal harta benda dan harta milik yang tersentuh oleh mana-mana *wakaf* atau *nazar am* yang sah tidak boleh menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Wakaf Am, tetapi hendaklah dikenakan menurut *wakaf* atau *nazar am* demikian dan dipegang sebagai kumpulanwang berasingan.

*Modal wakaf
dan nazar
am*

(2) Jika disebabkan oleh keluputan masa atau pertukaran keadaan-keadaan adalah tidak mungkin lagi berfaedah untuk menjalankan syarat-syarat yang tepat bagi mana-mana *wakaf* atau *nazar am*, Majlis hendaklah menyediakan satu skim bagi penggunaan harta benda dan harta milik yang tersentuh dengan cara sedekat mana yang boleh setanding dengan apa yang dikehendaki oleh syarat-syarat *wakaf* atau *nazar am* demikian dan hendaklah mengenakan syarat-syarat tersebut dengan sesuai :

Dengan syarat bahawa Majlis boleh, dengan kebenaran secara bertulis daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mengarahkan bahawa harta benda dan harta milik demikian hendaklah ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Wakaf Am.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

66

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

(3) Jika syarat-syarat bagi mana-mana *wakaf* atau *nazar am* tidak mempunyai kaedah yang ditetapkan bagi penggunaan modal harta benda dan harta milik yang tersentuh, atau tidak pasti dengan cara apa syarat-syarat tersebut patut dikenakan, Majlis boleh mengarahkan bahawa modal harta benda dan harta milik demikian hendaklah ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wakaf Am.

(4) Semua suratcara yang membuat, membuktikan atau menyentuh mana-mana *wakaf* atau *nazar am*, bersama dengan mana-mana dokumen hakmilik atau cagaran-cagaran lain yang berhubung dengannya, hendaklah dipegang dan ditahan oleh Majlis.

Pengertian
suratcara-
suratcara

106. Jika pada pendapat Majlis makna atau kesan mana-mana suratcara atau pengakuan yang membuat atau menyentuh mana-mana *wakaf* atau *nazar* adalah tidak jelas atau tidak pasti, Majlis boleh merujuk suratcara atau pengakuan tersebut kepada Jawatankuasa Undang-Undang untuk mendapat pendapatnya tentang makna atau kesannya, dan hendaklah bertindak ke atas mana-mana pendapat yang diberi oleh Jawatankuasa tersebut atau pendapat lebih suara dari padanya, kecuali jikalau Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarah yang sebaliknya.

Akaun

Laporan
Tahunan

107. Majlis hendaklah menyimpan akaun yang penuh dan benar bagi Kumpulanwang Wakaf Am dan hendaklah dengan secepat mungkin selepas 31 Disember setiap tahun mengeluarkan dan menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* satu laporan tentang kegiatan-kegiatan Majlis semasa tahun yang telah lalu, bersama dengan kunci kira-kira bagi Kumpulanwang Wakaf Am sehingga 31 Disember, satu akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi Kumpulanwang itu bagi tahun tersebut dan satu senarai harta benda-harta benda dan pelaburan-pelaburan daripada Kumpulanwang tersebut dengan menunjukkan harganya, jika dibeli, dan anggaran nilai sehingga 31 Disember.

108. Kunci kira-kira tahunan, akaun pendapatan dan perbelanjaan dan senarai pelaburan hendaklah terdahulu daripada pengeluarannya diaudit dan disahkan betul oleh Juruaudit Agung atau salah seorang daripada pegawainya yang diberikuasa bagi pihak tersebut. Satu salinan sijil juruaudit hendaklah ditambah kepada semua salinan laporan dan akaun sebagaimana yang dikeluarkan.

Audit

109. Tidak kurang daripada sekali dalam setiap 3 tahun Majlis hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* satu senarai mengenai semua harta benda, pelaburan dan harta milik yang diletak dalam tangan Majlis tertakluk kepada mana-mana amanah, *wakaf* atau *nazar*, dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Wakaf Am. Senarai demikian hendaklah diaudit dengan cara yang dibentangkan dalam bab 108.

Harta benda
wakaf dan
nazar

110. (1) Majlis hendaklah menyediakan dan menghadapkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak lewat daripada 31 Oktober dalam setiap tahun anggaran bagi semua pendapatan dan perbelanjaan Majlis, termasuk juga di dalamnya anggaran bagi semua harta benda yang boleh diterima dan dilepaskan dengan serupa, yang berhubung dengan tahun yang sudah.

Anggaran-
anggaran

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh meluluskan anggaran demikian atau boleh mengarahkan supaya anggaran tersebut dipinda dan kemudiannya anggaran-anggaran yang telah diluluskan dan diubah sedemikian, menurut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa menghadapkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia anggaran-anggaran tambahan bagi perbelanjaan berhubung dengan tahun itu, atau, pada bila-bila masa sebelum 31 Mac

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

68

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

dalam mana-mana tahun, berhubung dengan tahun yang sudah, dan anggaran tersebut boleh diluluskan atau dipinda, dan hendaklah disiarkan, dengan cara yang sama.

(4) Tiada wang boleh dibelanjakan, atau harta benda dilepaskan dengan serupa, kecuali menurut anggaran-anggaran demikian sebagaimana yang disebut sebelum ini dan apabila satu baucar telah ditandatangani oleh Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua.

Perbelanjaan-
perbelanjaan
Majlis

111. Semua perbelanjaan, harga dan perbelanjaan bagi mendabirkan harta benda dan harta milik yang diletak dalam tangan Majlis, termasuk perbelanjaan pemeliharaan dan rawatan bagi mana-mana harta benda takalih, gaji-gaji dan elaun-elaun semua pekerja Majlis, dan bayaran-bayaran dan elaun-elaun yang harus dibayar kepada mana-mana pegawai atau Ahli Majlis yang berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan seperti itu hendaklah dibayar daripada harta benda dan harta milik dari Kumpulanwang Wakaf Am.

Bank-
bank

112. (1) Majlis hendaklah menetapkan bank-bank dan boleh menjalankan akaun atau akaun-akaun demikian sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Pembayaran-pembayaran oleh Majlis bagi jumlah yang melebihi \$50 hendaklah dibuat dengan cek.

(3) Semua wang yang diterima oleh atau bagi majlis hendaklah dibayar ke dalam satu akaun bank Majlis tersebut dengan cara yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Kewangan Negara.

(4) Cek-cek yang dikeluarkan atas mana-mana akaun bank Majlis hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua dan oleh Setiausaha.

113. (1) Sekurang-kurangnya sekali dalam setiap bulan hendaklah dibentangkan di meja mesyuarat satu pernyataan kewangan yang menunjukkan butir-butir mengenai semua resit dan perbelanjaan mulai dari masa pernyataan kewangan yang terdahulu hingga kepada tarikh yang tidak melebihi 7 hari sebelum mesyuarat.

Pernyataan-
pernyataan
Kewangan

(2) Setiap pernyataan kewangan demikian hendaklah dipertimbangkan dan diluluskan pada mesyuarat bilamana ianya dihadapkan dan, jika tidak diluluskan dengan sebulat suara, hendaklah dihadapkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bersama dengan apa juu ulasan yang ingin dibuat oleh mana-mana Ahli ke atasnya.

Zakat dan Fitrah

114. Majlis hendaklah mempunyai kuasa, dan hendaklah bertugas, untuk memungut bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan untuk menyelesaikan sebagaimana yang diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tertakluk kepada syarat-syarat dari Akta ini, semua *zakat* dan *fitrah* yang harus dibayar di Negara Brunei Darussalam menurut hukum syarak, dan hendaklah berbuat demikian setakat mana dan dengan cara yang ditetapkan dalam Akta ini.

Kuasa-kuasa
Majlis

115. (1) Majlis hendaklah menyediakan senarai-senarai penaksiran tahunan yang berhubung dengan setiap mukim masjid di Negara Brunei Darussalam, dengan menunjukkan nama-nama semua orang di dalamnya yang wajib membayar zakat dan fitrah masing-masing dan jumlah-jumlah yang wajib mereka bayar.

Senarai-
senarai
penaksiran

(2) Majlis hendaklah secara langsung bertanggung-jawab untuk menyediakan senarai-senarai penaksiran yang berhubung dengan kawasan-kawasan demikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

70

PENG. 77

(3) Dalam semua kawasan lain, Imam hendaklah, sebagai wakil dan bagi pihak Majlis, menyediakan senarai-senarai penaksiran yang berhubung dengan setiap *mukim masjid* dan hendaklah menghadapkan salinan-salinan daripadanya kepada Majlis, yang boleh mengubah dan meminda senarai-senarai penaksiran tersebut.

(4) Sesiapa saja boleh membuat bantahan kepada Majlis terhadap kemasukan namanya dalam mana-mana senarai penaksiran atau terhadap jumlah atau bilangan berhubung dengan mana dia ditaksirkan dan Majlis hendaklah mempertimbangkan setiap bantahan demikian dan hendaklah membuat keputusan ke atasnya sebagaimana yang difikirkannya adil.

(5) Suatu rayuan daripada mana-mana keputusan demikian, hendaklah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama Islam, jika hal perkara tersebut bernilai tidak kurang daripada \$1000.

Dengan syarat bahawa mana-mana rayuan demikian boleh dirujuk oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Jawatankuasa Kehakiman bagi pendapatnya dan, jika dirujuk demikian, hendaklah ditetapkan seolah-olahnya ianya adalah rayuan sivil daripada Mahkamah Kadi.

Tanggungan
untuk
membayar
zakat

116. *Zakat* hendaklah dibayar oleh setiap orang Islam yang memelihara apa jua binatang, atau menanam apa jua tanaman, atau menjalankan apa jua perusahaan, daripada mana *zakat* hendaklah dibayar dengan kadar dan dengan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dari masa ke semasa menurut hukum syarak.

Tanggungan
untuk
membayar
fitrah

117. (1) *Fitrah* hendaklah dibayar oleh semua tuan rumah yang berugama Islam di Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dengan kadar dan dengan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dari masa ke semasa menurut hukum syarak :

Dengan syarat bahawa, jika sebuah keluarga mempunyai bilangan ahli yang ganjil, pembayaran hendaklah dibuat seolah-olah ianya mempunyai bilangan ahli yang genap lebih tinggi berikutnya.

(2) Pembayaran fitrah boleh dibebaskan atas alasan-alasan kemiskinan dan Imam boleh dengan kebenaran dari pada pegawai masjid yang lain menghapuskan daripada senarai penaksiran yang disediakan olehnya nama sesiapa saja yang dianggap terlalu miskin untuk membayar fitrah, tetapi dalam mana-mana hal demikian dia hendaklah memaklumkan kepada Majlis mengenai kenyataan-kenyataan tersebut dan Majlis boleh membatalkan keputusan demikian.

118. (1) Majlis atau Imam atau Amil menurut mana-mana yang berkenaan, hendaklah melengkapkan senarai penaksiran *zakat* dengan memasukkan jumlah yang dikeluarkan dan jumlah yang harus dibayar sebaik sahaja masa menuai telah tamat.

Pembayaran
zakat

(2) Jika seseorang menghasilkan dalam lebih satu *mukim masjid* namanya hendaklah dimasukkan dalam setiap senarai penaksiran yang berkenaan dan dia hendaklah ditaksirkan atas hasil keseluruhannya.

Pembayaran hendaklah, dalam mana-mana hal demikian, dibuat secara langsung kepada Majlis.

(3) Setelah siap senarai penaksiran, dan dengan tidak menghiraukan mana-mana rayuan yang belum selesai, penghasilan tersebut hendaklah dengan segera membayar *zakat* kepada Majlis atau, dalam hal-hal kepada mana ceraian (2) tidak dikenakan kepada Imam.

(4) *Zakat* boleh dibayar dengan padi tetapi orang yang membayar itu boleh dibenarkan untuk membeli semula padi tersebut dengan harga segantang sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dari masa ke semasa, dengan pemberitahuan yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan*.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

72

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Pembayaran
fitrah

119. (1) Senarai-senarai penaksiran *fitrah* hendaklah disiapkan tidak lewat daripada 15 Syaaban dalam setiap tahun dan *fitrah* hendaklah dibayar kepada Majlis atau kepada Imam tidak lewat daripada 1 Syawal berikutnya.

(2) Majlis boleh dari masa ke semasa secara pernitahuan yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* menentukan kadar-kadar pada mana beras boleh dijual oleh mana-mana pegawai masjid kepada orang-orang yang dikenakan membayar *fitrah*. Kadar-kadar demikian hendaklah tidak rendah daripada harga pasaran yang minimum yang ada pada masa ini bagi peringkat beras yang paling murah.

Resit-resit
dan akaun-akaun

120. (1) Majlis, atau Imam atau Amil, menurut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengeluarkan satu resit seperti dalam Borang A atau dalam Borang B (sebagaimana yang patut) dalam Jadual Pertama bagi setiap pembayaran *zakat* atau *fitrah*, sama ada dengan tunai atau dengan barang-barang.

(2) Setiap Imam atau Amil hendaklah menerangkan kepada Majlis mengenai semua zakat dan fitrah yang telah diterima olehnya dan hendaklah memegang, menyimpan dan menyelesaikan zakat dan fitrah tersebut atau mana-mana keuntungan jualan daripadanya dengan cara sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

(3) Majlis hendaklah menyebabkan senarai-senarai penaksiran, resit-resit, akaun-akaun dan dokumen-dokumen lain yang disimpan oleh mana-mana Imam atau Amil dan yang berkaitan dengan *zakat* dan *fitrah* untuk diperiksa dan diaudit dan boleh bagi maksud demikian melantik dan menggaji merinyu-merinyu.

Penyelesaian
baki

121. Setelah mematuhi semua arahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai dengan penyelesaian mana-mana *zakat* dan *fitrah*, Majlis hendaklah, jika mana-mana bahagian

daripadanya belum diselesaikan, dijual dan dihasilkan bahagian daripadanya yang mungkin tidak mempunyai wang dan ianya dan keuntungan dari mana-mana jualan daripadanya hendaklah ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Wakaf Am.

Kutipan untuk Khairat

122. (1) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat dari Akta Kawalan Derma-Derma, Majlis boleh mengutip, atau boleh memberi lesen-lesen kepada sesiapa saja atau kumpulan orang, yang memberi kuasa kepadanya atau mereka untuk mengutip, wang atau tabung bantuan bagi apa jua maksud khairat untuk menyokong dan mengembangkan ugama Islam atau untuk faedah orang-orang Islam menurut hukum syarak, dan boleh dengan mana-mana lesen demikian mengenakan syarat-syarat yang difikirkannya patut.

Kutipan-
kutipan
Khairat
Penggal 9

(2) Ianya hendaklah dianggap sebagai syarat bagi setiap lesen demikian bahawa penerimanya dan setiap orang lain yang diberikuasa olehnya untuk mengutip wang atau tabung bantuan hendaklah –

(a) mengeluarkan berhubung dengan setiap jumlah wang yang dikutip satu resit yang diberi nombor bersiri dalam Borang C dalam Jadual Pertama ;

(b) menyimpan akaun-akaun yang benar dan penuh bagi semua jumlah-jumlah wang yang dikutip dan yang diselesaikan daripadanya dengan semua baucar-baucar yang sepautunya ;

(c) mengeluarkan jika dikehendaki keratan-keratan dari resit-resit demikian dan semua akaun dan baucar demikian untuk diperiksa dan diaudit oleh Majlis ;

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

74

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

(d) mengenakan dan menyelesaikan semua jumlah-jumlah wang yang dikutip sedemikian menurut syarat-syarat lesen tersebut, atau, jika tiada cara-cara penyelesaiannya dengan itu diberikuasa dengan nyatanya, membayar atau menjelaskan jumlah-jumlah wang tersebut kepada Majlis.

(3) Wang yang dikutip menurut bab ini boleh dikenakan bagi maksud yang tertentu jika Majlis mengarahkan demikian, tetapi hendaklah, jika tidak menunaikan mana-mana arahan demikian, ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Wakaf Am.

(4) Tiada siapa pun boleh membuat atau mengambil bahagian dalam mana-mana kutipan wang bagi apa jua maksud sebagaimana yang disebutkan sebelum ini kecuali jikalau dengan kebenaran yang nyata dari Majlis atau menurut kuasa dan menurut lesen sebagaimana yang disebutkan sebelum ini.

BAHAGIAN V

MASJID-MASJID

Majlis
menjadi
pemegang
amanah

Penggal 40

123. Dengan tidak menghiraukan mana-mana syarat yang bertentangan dalam mana-mana suratcara bertulis, Majlis hendaklah menjadi penerima tunggal bagi semua masjid di Negara Brunei Darussalam dan setiap masjid, bersama dengan mana-mana harta benda takalih di mana ianya terdiri atau yang berkaitan dengannya dan digunakan bagi maksud-maksud daripadanya, selain daripada tanah Negara atau tanah yang disimpan bagi maksud awam, hendaklah setelah pendaftaran di bawah Undang-Undang Tanah, dan tanpa apa jua pindah hak, penyerahan hak atau pindah milik apa pun yang diletak dalam tangan Majlis bagi maksud-maksud Akta ini.

124. (1) Tiada siapa pun boleh mendirikan mana-mana masjid atau mewakafkan atau menggunakan sebaliknya mana-mana bangunan yang ada, sebagai atau bagi maksud-maksud sebuah masjid, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

Sekatan ke atas masjid-masjid baru

(2) Kebenaran demikian tidak boleh diberikan kecuali tapak bagi cadangan masjid baru itu telah, atau sebelum dibangunkan wakaf daripadanya, dijadikan wakaf.

125. (1) Hendaklah menjadi tugas Majlis untuk memperbaiki dari masa ke semasa sebagaimana yang perlu dan memelihara semua masjid di Negara Brunei Darussalam. Majlis boleh mengumpul dan menggunakan, atau memberikuasa untuk mengumpul atau menggunakan, tabung bantuan khas bagi maksud pembaikan-pembaikan demikian, atau boleh membayai perbelanjaan yang diperlukan bagi pembaikan-pembaikan tersebut daripada Kumpulanwang Wakaf Am.

Pembaikan-pembaikan

(2) Hendaklah menjadi tugas Imam untuk maklumkan dengan segera tentang apa jua pembaikan yang diperlukan, dan untuk melaksanakan atau mengawasi apa jua pembaikan sebagai wakil untuk atau bagi pihak Majlis.

(3) Pengubahan yang mustahak tidak boleh dibuat kepada bangunan mana-mana masjid tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

126. Majlis boleh bagi sebab-sebab yang memuaskan menuup atau meroboh mana-mana masjid dan boleh, jika mana-mana masjid telah diroboh dan tidak bertujuan untuk membangunkan sebuah lagi masjid atas tapak yang sama dan pada pendapat Majlis adalah tidak mungkin untuk menggunakan tapak tersebut bagi maksud-maksud ugama yang lain, menjual dan melepaskan tapak tersebut, tetapi keuntungan dari jualan demikian hendaklah diperuntukkan untuk membangun, memelihara atau membaiki masjid-masjid, dan tidak ada maksud-maksud lain.

Penutupan atau perobohan

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

76

Sempadan-
sempadan
mukim

127. Majlis hendaklah mempunyai kuasa pada bila-bila masa untuk menetapkan sempadan-sempadan bagi mana-mana mukim dan untuk meminda atau mengubah sempadan-sempadan demikian. Sebarang pertikaian mengenai dengan sempadan-sempadan mukim masjid biasanya hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Kehakiman bagi pendapatnya.

Daftar
pegawai
masjid

128. Majlis hendaklah menyimpan satu daftar yang menunjukkan *pegawai masjid* bagi setiap masjid di Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah menjadi tugas setiap pegawai masjid untuk memaklumkan dengan segera kepada Majlis tentang mana-mana kekosongan atau pertukaran dalam butir-butir yang berhubung dengan masjidnya.

Lantikan
Imam

129. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik sesiapa saja yang sihat dan sempurna untuk menjadi Imam bagi mana-mana masjid.

(2) Setiap orang yang dilantik untuk menjadi Imam hendaklah menerima suatu Tauliah di bawah meterai Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Lantikan
pegawai
masjid yang
lain

130. (1) Tiada kekosongan dalam pejabat khatib bagi mana-mana masjid boleh diisi kecuali dalam apa jua hal diarahkan sedemikian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

(2) Jika sekiranya terdapat sebarang kekosongan atau kekosongan yang akan terjadi di pejabat Bilal bagi mana-mana masjid, hendaklah menjadi tugas Imam masjid tersebut, setelah berunding dengan Pegawai Pejabat Ugama untuk membuat sokongan kepada Majlis sama ada kekosongan tersebut patut diisi dan, jika demikian, siapa yang patut dilantik untuk mengisinya.

(3) Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah meriksa kelayakan sesiapa saja yang disokong sedemikian dan hendaklah melaporkan kepada Majlis mengenainya.

(4) Majlis boleh bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia melantik sesiapa saja yang sihat dan sempurna untuk menjadi Bilal bagi mana-mana masjid, dan hendaklah mengeluarkan suatu Tauliah di bawah meterainya kepada sesiapa saja yang dilantik sedemikian.

131. (1) Setiap *pegawai masjid* hendaklah memegang jawatannya selama yang disukai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan boleh dipecat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi sebab-sebab yang difikirkan baik.

Pemecatan
*pegawai
masjid*

(2) Hendaklah menjadi tugas Majlis untuk membawa kepada pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebarang kelakuan yang mengaibkan oleh mana-mana *pegawai masjid*, sama ada yang berhubungan dengan tugas-tugasnya atau yang lainnya, dan untuk membuat sokongan-sokongan.

132. *Pegawai masjid* bagi mana-mana masjid hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas sebagaimana yang ditentukan dalam Tauliah-Tauliah mereka masing-masing, dan selain daripada itu —

Kuasa-kuasa
dan tugas-
tugas

(a) hendaklah bertanggungjawab bagi perjalanan dan aturan yang baik bagi masjid tersebut ;

(b) hendaklah bertanggungjawab bagi perjalanan yang baik bagi *anak mukim* masjid tersebut dalam perkara-perkara yang berhubung dengan ugama Islam ; dan

(c) hendaklah dengan segera memberi makluman kepada Majlis mengenai semua perkara yang terbit dalam *mukim* mereka dan yang memerlukan perhatian Majlis.

133. *Anak mukim* dari mana-mana mukim hendaklah biasanya menghadiri masjid dalam *mukim* itu, tetapi Imam masjid itu boleh atas alasan yang baik memberi kebenaran

Kehadiran
di masjid

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

78

*Majlis Ugama Islam dan
PENG. 77 Mahkamah-Mahkamah Kadi*

kepada sesiapa saja untuk menghadiri masjid lain dan, jika Imam tidak memberi kebenaran demikian, Jawatankuasa Kehakiman boleh memberinya atas nama dan bagi pihak Majlis.

BAHAGIAN VI

PERNIKAHAN DAN PERCERAIAN

Pengenaan

134. Peruntukan dari bahagian ini hendaklah digunakan hanya kepada pernikahan-pernikahan, kedua-dua pihak yang berugama Islam, dan yang diakadkan menurut hukum syarak.

Lantikan
Pendaftar-
pendaftar

135. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh secara notis yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* melantik se-siapa saja yang sihat dan sempurna untuk menjadi Pendaftar-pendaftar bagi Pernikahan dan Perceraian Orang-orang Islam di mana-mana tempat.

(2) Kadi Besar dan setiap Kadi hendaklah kerana jawatannya menjadi Pendaftar-pendaftar Pernikahan dan Perceraian Orang-orang Islam bagi seluruh kawasan dalam mana mereka masing-masing mempunyai bidangkuasa dalam perkara-perkara jenayah dan sivil.

(3) Imam bagi setiap masjid hendaklah kerana jawa-tannya menjadi seorang Pendaftar Pernikahan dan Perceraian Orang-orang Islam bagi mukim masjidnya.

(4) Pendaftar-pendaftar Pernikahan dan Perceraian Orang-orang Islam hendaklah mempunyai hak-hak dan kuasa-kuasa demikian dan melaksanakan tugas-tugas se-bagaimana yang diberikan atau dikenakan ke atas mereka oleh Akta ini atau mana-mana aturan yang dibuat di bawah nya.

(5) Pendaftar-pendaftar Pernikahan dan Perceraian Orang-orang Islam hendaklah dianggap sebagai penjawat awam yang termasuk dalam makna Kanun Hukuman Jenayah.

Penggal 22

136. Jika sesiapa saja, sama ada secara lisan atau bertulis, dan sama ada secara persendirian atau melalui orang tengah, telah mengikat perjanjian pertunangan menurut hukum syarak, dan berikutnya enggan tanpa alasan yang sah untuk menikah dengan pihak yang lain kepada perjanjian demikian pihak yang lain itu bersedia untuk menikah, pihak yang mungkir hendaklah bertanggungjawab, jika seorang lelaki, untuk membayar sebagai gantirugi jumlah mas kahwin yang mana sepatutnya telah dibayar bersama dengan perbelanjaan lain yang telah dibelanjakan dengan hati yang suci dalam membuat persediaan untuk pernikahan tersebut, atau jika seorang perempuan, untuk mengembalikan pemberian pertunangan, jika ada, atau nilai daripadanya dan untuk membayar sebagai gantirugi jumlah perbelanjaan lain sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, dan perbelanjaan tersebut boleh didapatkan kembali secara tindakan dalam Mahkamah.

Pertunangan

137. (1) Suatu pernikahan boleh diakadkan oleh se- siapa saja yang memegang suatu Tauliah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memberinya kuasa untuk mengakadkan pernikahan-pernikahan.

Kuasa untuk
mengakad-
kan
nikah

(2) Suatu pernikahan boleh diakadkan oleh se- siapa saja yang dibenarkan di bawah hukum syarak untuk mengakadkan nikah demikian, jika pernikahan tersebut dijalankan di hadapan dan dengan kebenaran seorang Pendaftar.

(3) Tiada siapa pun boleh mengakadkan mana-mana pernikahan kecuali menurut ceraian (1) atau (2).

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

80

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Dengan syarat bahawa suatu pernikahan yang diakadkan melanggar syarat-syarat dari ceraian ini, tetapi menurut syarat-syarat dari hukum syarak, adalah menjadi sah dan hendaklah didaftarkan di bawah syarat-syarat Akta ini.

Pernikahan-pernikahan yang tidak sah

138. Suatu pernikahan adalah tidak sah dan tidak boleh didaftarkan di bawah syarat-syarat Akta ini kecuali jikalau semua syarat-syarat yang diperlukan bagi sahnya pernikahan tersebut, menurut mazhab masing-masing pihak yang menikah itu, telah dipenuhi.

Keizinan diperlukan

139. Suatu pernikahan adalah tidak sah dan tidak boleh didaftarkan di bawah syarat-syarat Akta ini kecuali jikalau kedua-dua pihak kepada pernikahan tersebut mendapat keizinan baginya, dan sama ada –

(a) wali pengantin perempuan telah mengizinkannya menurut hukum syarak ; atau

(b) Kadi yang mempunyai bidangkuasa di tempat di mana pengantin perempuan itu tinggal atau se siapa saja yang amnya atau khasnya diberikuasa olehnya telah, setelah disiasat dengan patutnya di hadapan semua pihak yang berkenaan, memberikan keizinannya sebagai *wali raja*.

Dengan syarat bahawa keizinan demikian hanya boleh diberikan apabila wali tidak dapat diperolehi untuk bertindak, atau jika *wali* enggan memberi keizinannya tanpa alasan yang memuaskan.

Pernikahan janda

140. Jika pengantin perempuan itu seorang *janda* —

(a) dia tidak boleh kahwin dengan sesiapa saja, selain daripada suami yang telah menceraikannya, pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh *idah*, yang akan dikira menurut hukum syarak ;

(b) dia tidak boleh kahwin kecuali jikalau dia telah mengeluarkan –

- (i) surat keterangan mati suaminya ;
- (ii) surat keterangan cerai yang dikeluarkan dengan sah di bawah undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu ;
- (iii) satu salinan yang sah bagi catatan yang berhubung dengan perceraian demikian, dalam daftar perceraian-perceraian yang bersesuaian ; atau
- (iv) suatu surat keterangan yang apabila dia memohon boleh diberikan setelah disiasat dengan sepatutnya oleh Mahkamah Kadi yang mempunyai bidangkuasa di tempat di mana dia tinggal, yang menyatakan bahawa dia adalah seorang janda.

(c) jika pengantin perempuan diceraikan sebelum disetubuh, dia tidak boleh menikah dengan sesiapa saja melainkan suaminya yang dahulu semasa dalam tempoh *idah* yang mana jika tidak telah dikenakan, kecuali dengan kebenaran Kadi yang mempunyai bidangkuasa di tempat di mana dia tinggal ; dan

(d) jika perceraian itu dengan *talak 3*, dia tidak boleh menikah semula dengan suaminya yang dahulu, melainkan jikalau sebelum pernikahan demikian dia telah kahwin secara sah dengan orang lain dan pernikahan demikian telah disempurnakan dengan mengadakan persetubuhan dan kemudiannya dibatalkan dengan cara yang sah.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

82

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Tempat
pernikahan

141. (1) Setiap pernikahan hendaklah diakadkan di sebuah mukim masjid di mana satu atau kedua-dua pihak yang menikah itu biasanya tinggal :

Dengan syarat bahawa seorang Kadi atau Pendaftar yang mempunyai bidangkuasa dalam mukim tersebut telah memberi kebenaran bagi mana-mana pernikahan demikian untuk diakadkan di tempat lain.

(2) Setiap pernikahan hendaklah didaftar dan bayaran yang berkenaan dengannya hendaklah dibayar di tempat di mana pernikahan itu diakadkan.

*Mas kahwin
dan Berian*

142. (1) *Mas kahwin* biasanya hendaklah dibayar oleh suami atau wakilnya kepada isteri atau wakilnya di hadapan orang yang mengakadkan pernikahan tersebut dan sekurang-kurangnya 2 orang saksi lain.

(2) Pendaftar hendaklah berhubung dengan setiap pernikahan yang hendak didaftar olehnya memastikan dan mencatat —

(a) jumlah *mas kahwin* ;

(b) jumlah sebarang *berian* ;

(c) jumlah daripada mana-mana bahagian *mas kahwin* atau *berian* atau kedua-duanya yang dijanjikan tetapi tidak dibayar pada masa pernikahan tersebut diakadkan ; dan

(d) butir-butir bagi sebarang jaminan yang diberikan bagi pembayaran mana-mana *mas kahwin* atau *berian*.

Pendaftaran
pernikahan

143. (1) Dalam masa 7 hari selepas mana-mana pernikahan diakadkan hendaklah menjadi tugas pihak-pihak kepada pernikahan tersebut dan *wali* isteri, jika ada, dan

orang yang mengakadkan pernikahan tersebut untuk melaporkan kepada Pendaftar bagi *mukim* di mana pernikahan tersebut diakadkan kenyataan bagi pernikahan demikian dan semua butir yang diperlukan mengenai pernikahan tersebut dan untuk membayar bayaran yang ditentukan dalam Jadual Kedua, dan Pendaftar hendaklah dengan serta-merta mendaftarkan pernikahan demikian.

(2) Hendaklah menjadi tugas Pendaftar sebelum mendaftarkan mana-mana pernikahan untuk membuat siasatan dan untuk memuaskan dirinya bahawa semua kehendak hukum syarak dan Akta ini berhubung dengan pernikahan tersebut telah dipenuhi dan bahawa pernikahan tersebut adalah sah dan boleh didaftar.

(3) Seseorang Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk mentadbirkan sumpah dan pengakuan dan boleh memeriksa sesiapa saja yang bersumpah atau membuat pengakuan mengenai sebarang perkara yang dihadapkan kepadanya bagi pendaftaran.

(4) Apabila mendaftarkan mana-mana pernikahan dan apabila membayar kepadanya bayaran yang ditentukan dalam Jadual Kedua, Pendaftar hendaklah mengeluarkan surat-surat keterangan nikah dalam borang yang ditentukan dalam Jadual Kedua kepada kedua-dua pihak yang menikah itu.

(5) Pendaftar hendaklah juga, apabila bayaran yang ditentukan dalam Jadual Ketiga telah dibayar, menyediakan satu surat taklik dalam borang yang ditentukan dalam jadual itu mendapatkan tandatangan pihak-pihak kepadanya, menandatangani surat taklik tersebut dan mengirimkan satu salinan kepada setiap pihak yang menikah itu.

(6) Hendaklah menjadi tugas Pendaftar untuk melaporkan kepada Kadi keadaan-keadaan mengenai mana-mana hal yang mana nampak kepadanya bahawa mana-mana pernikahan yang dikatakan adalah tidak sah, atau bahawa mana-mana perkahwinan yang didaftarkan telah diakadkan melanggar syarat-syarat Akta ini.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

84

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Perceraian
dengan
talak

144. (1) Seorang suami boleh menceraikan isterinya menurut hukum syarak dengan *talak* satu, dua atau tiga.

(2) Dalam masa 7 hari selepas mana-mana perceraian suami hendaklah melaporkan kenyataan perceraian demikian dan semua butir-butir mengenai perceraian tersebut dan hendaklah membayar bayaran yang ditentukan dalam Jadual Keempat kepada Pendaftar bagi mukim di mana perceraian itu dilakukan, dan Pendaftar hendaklah dengan serta-merta mendaftar perceraian demikian.

(3) Syarat-syarat dari ceraian-ceraian (2), (3) dan (4) dari bab 143 hendaklah, dengan pengubahsuaian sebagaimana yang perlu, dikenakan kepada pendaftaran perceraian-perceraian dan pengeluaran surat-surat talak.

Perceraian
atas
permintaan
isteri

145. (1) Seorang perempuan bersuami boleh memohon kepada seorang Kadi untuk bercerai menurut hukum syarak.

(2) Dalam mana-mana hal demikian Kadi hendaklah memanggil suami di hadapannya dan bertanya sama ada dia bersetuju untuk bercerai, dan jika suami bersetuju sedemikian maka Kadi hendaklah apabila bayaran yang ditentukan dalam Jadual Ketiga telah dibayar menyebabkan suami tersebut untuk melafazkan cerai, mendaftarkan perceraian demikian dan mengeluarkan surat-surat keterangan kepada pihak-pihak kepada pernikahan tersebut.

(3) Jika suami tidak bersetuju untuk bercerai secara persetujuan, tetapi pihak-pihak tersebut bersetuju untuk bercerai secara penebusan, atau cerai tebus talak, Kadi boleh menaksirkan jumlah bayaran yang patut dibayar oleh isteri menurut kedudukan dan pendapatan pihak-pihak tersebut dan hendaklah sesudah itu apabila bayaran yang ditentukan dalam Jadual Ketiga telah dibayar menyebabkan suami untuk melafazkan cerai secara penebusan dan mendaftar dan mengeluarkan surat-surat keterangan bagi perceraian tersebut dengan cara yang disebutkan sebelum ini.

(4) Jika suami tidak bersetuju untuk bercerai secara penebusan, Kadi boleh melantik *Hakam* sebagaimana yang ditetapkan dalam bab 149.

146. (1) Seseorang perempuan bersuami boleh, jika berhak menurut hukum syarak kepada suatu perceraian menurut syarat-syarat *surat taklik* yang dibuat ketika pernikahan, memohon kepada seorang Kadi untuk menyatakan bahawa perceraian demikian telah berlaku.

Perceraian dengan taklik

(2) Kadi hendaklah memeriksa suratcara tersebut dan membuat siasatan sebagaimana yang perlu mengenai dengan sahnya perceraian tersebut dan hendaklah, jika berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah menurut hukum syarak, mengesahkan perceraian tersebut, dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga telah dibayar, mendaftarkan dan mengeluarkan surat keterangan bagi perceraian tersebut dengan cara yang disebutkan sebelum ini.

147. (1) Seorang perempuan bersuami boleh memohon secara guaman di Mahkamah Kadi bagi hukum pembatalan pernikahan, atau *fasakh*, menurut hukum syarak.

Pembatalan pernikahan

(2) Dalam mana-mana hal demikian Mahkamah hendaklah jika boleh menyampaikan kepada suami, atau jika berpuas hati dengan bukti keterangan dengan mengangkat sumpah atau membuat pengakuan bahawa suami tidak berada di Negara Brunei Darussalam atau tidak dapat ditemui, hendaklah menyampaikan notis perbicaraan kepada saudara lelaki yang terdekat dengan suami yang tinggal di Negara Brunei Darussalam, atau jika tiada orang demikian dikenali, hendaklah mengirimkan notis tersebut ke tempat tinggal suami yang akhir sekali diketahui di Negara Brunei Darussalam.

(3) Hukum tidak akan dijatuhkan kecuali menurut syarat-syarat hukum syarak dan menurut bukti keterangan dari perempuan bersuami itu dan sekurang-kurangnya 2 orang saksi yang diberikan setelah mengangkat sumpah dan membuat pengakuan.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Majlis Ugama Islam dan

PENG. 77 *Mahkamah-Mahkamah Kadi*

86

(4) Apabila menjatuhkan hukum pembatalan pernikahan Kadi hendaklah mendaftarkan hukum tersebut sebagai perceraian dan hendaklah mengeluarkan satu surat keterangannya dalam borang yang ditentukan dalam Jadual Ketiga kepada isteri tersebut.

Pemberian
kepada isteri
yang telah
diceraikan

148. Seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya boleh memohon kepada Kadi bagi pemberian sagu hati, atau *mattaah*, dan Kadi boleh selepas membicarakan pihak-pihak tersebut memerintah pembayaran bagi jumlah demikian sebagaimana yang patut dan menurut hukum syarak.

Timbangtara

149. (1) Jika berpuas hati bahawa perkelahian sering berlaku di antara pihak-pihak yang menikah itu, Kadi boleh melantik menurut hukum syarak 2 orang penimbangtara, atau *Hakam*, untuk bertindak masing-masing bagi suami dan isteri tersebut, dan dalam membuat lantikan demikian Kadi hendaklah, jika boleh, memberi keutamaan kepada saudara-saudara yang dekat dengan pihak-pihak tersebut yang mengetahui keadaan-keadaan perkara tersebut.

(2) Kadi boleh memberi arahan-arahan kepada *Hakam* mengenai dengan perjalanan timbangtara dan mereka hendaklah menjalankannya menurut arahan-arahan demikian dan menurut hukum syarak.

(3) Jika penimbangtara-penimbangtara tersebut tidak dapat bersetuju, atau jika Kadi tidak berpuas hati dengan perjalanan timbangtara tersebut, Kadi boleh memecat mereka dan melantik *Hakam* lain untuk menggantikan mereka.

(4) *Hakam* hendaklah berusaha untuk memperolehi daripada pihak masing-masing kuasa yang sepenuhnya, dan boleh, jika kuasa-kuasa meluas sedemikian jauh, menghukumkan suatu perceraian, dan hendaklah dalam hal demikian melaporkan hal tersebut kepada Kadi bagi pendaftaran.

(5) Jika *Hakam* berpendapat bahawa pihak-pihak tersebut patut bercerai dan tidak boleh bagi apa jua alasan untuk menghukumkan suatu perceraian, Kadi boleh melantik *Hakam* lain dan hendaklah memberi ke atas mereka kuasa untuk melaksanakan suatu perceraian dan hendaklah, jika mereka berbuat sedemikian, mendaftar dan mengeluarkan surat-surat keterangan bagi perceraian tersebut dengan cara yang disebutkan sebelum ini.

150. (1) Dalam bab ini, “perceraian yang dapat dibatalkan” bermakna suatu perceraian dengan *talak* satu atau dua yang tidak diikuti oleh selang masa yang boleh menjadikannya tidak boleh dibatalkan, dan “rujuk” bermakna menyambung semula perhubungan suami isteri dalam tempoh sebelum perceraian tersebut telah menjadi tidak boleh dibatalkan.

Rujuk

(2) Jika selepas suatu perceraian yang boleh dibatalkan rujuk berlaku dengan persetujuan bersama, pihak-pihak tersebut hendaklah dalam masa 7 hari melaporkan kenyataan rujuk demikian dan semua butir-butir yang berkenaan kepada Pendaftar bagi *mukim* di mana mereka tinggal.

(3) Pendaftar hendaklah apabila menerima laporan demikian membuat siasatan sebagaimana yang perlu dan, jika berpuas hati bahawa rujuk telah berlaku menurut hukum syarak, hendaklah, setelah membayar bayaran yang ditentukan dalam Jadual Keempat mendaftar rujuk demikian secara pengesahan ke atas keratan surat cerai tersebut, jika perceraian demikian telah didaftarkan olehnya, dan hendaklah menghendaki pihak-pihak tersebut untuk menghantarkan kepadanya surat-surat cerai yang berkenaan dan hendaklah mengeluarkan kepada mereka surat-surat keterangan rujuk dalam borang yang ditentukan dalam Jadual Keempat. Sesiapa saja yang gagal untuk melaporkan rujuk demikian kepada Pendaftar adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$1,000 atau dipenjara selama satu bulan.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

88

PENG. 77

(4) Jika perceraian itu bukan didaftarkan oleh Pendaftar tersebut, dia hendaklah mencatat atas surat keterangan cerai tersebut bilangan dan butir-butir mengenai surat-surat keterangan rujuk dan hendaklah menghadapkan surat-surat keterangan cerai kepada Pendaftar yang telah mengeluarkan surat keterangan cerai tersebut, dan Pendaftar yang lain itu hendaklah selepas itu mendaftar rujuk tersebut secara pengesahan dengan cara yang sama.

(5) Jika perceraian yang boleh dibatalkan telah berlaku tanpa pengetahuan isteri, suami tidak boleh menghendaki atau meminta isteri untuk rujuk semula dengannya tanpa memberitahu kepadanya kenyataan tentang perceraian demikian.

(6) Jika selepas perceraian yang boleh dibatalkan suami telah menyatakan rujuk –

(a) jika isteri telah bersetuju kepada rujuk tersebut, dia boleh atas permintaan suami diperintahkan untuk rujuk semula, kecuali jikalau dia menunjukkan sebab yang baik menurut hukum syarak bagi yang sebaliknya, dalam hal mana Kadi hendaklah melantik *Hakam* sebagaimana yang ditetapkan dalam bab 149 ; dan

(b) jika isteri tidak bersetuju kepada rujuk, dia tidak akan diperintah oleh Kadi untuk rujuk semula, tetapi atas permintaannya. Kadi boleh menghendaki suaminya untuk menceraikannya dan atas keenggannya boleh melantik *Hakam* sebagaimana yang ditetapkan dalam bab 149.

Sangkaan
mati

151. (1) Jika suami kepada mana-mana perempuan bersuami telah mati, atau dipercayai telah mati, atau tidak ada mendengar khabar darinya bagi tempoh yang lama, dalam keadaan-keadaan demikian bahawa dia patut, bagi maksud untuk membolehkan isterinya untuk kahwin semula, untuk

disangkakan telah mati menurut hukum syarak, tetapi suatu surat keterangan mati di bawah Akta Pendaftaran Beranak dan Mati tidak dapat diperolehi, seorang Kadi boleh, atas permintaan isteri dan selepas siasatan sebagaimana yang patut, mengeluarkan menurut hukum syarak satu surat keterangan sangkaan mati bagi suami tersebut, dan selepas itu isteri bebas untuk kahwin semula menurut syarat-syarat Akta ini, dan surat keterangan demikian hendaklah dianggap sebagai surat keterangan mati bagi suami di dalam bidang makna perenggan kecil (i) dari perenggan (b) dari bab 140.

Penggal 79

(2) Dalam keadaan-keadaan yang disebutkan sebelum ini, seorang perempuan tidak berhak untuk kahwin semula jika tidak mempunyai suatu surat keterangan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1), dengan tidak menghiraukan bahawa Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran untuk menyangka kematian suami tersebut.

(3) Suatu surat keterangan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1) hendaklah didaftarkan seolah-olah berlaku suatu perceraian.

152. (1) Pendaftaran bagi mana-mana perkara yang dikehendaki untuk didaftar di bawah bahagian Akta ini hendaklah dianggap sah dengan melengkapkan keratan dari surat keterangan yang patut dikeluarkan oleh Pendaftar yang berhubung dengan perkara demikian.

Kaedah dan
natijah
pendaftaran

(2) Selain daripada pendaftaran di bawah ceraian (1), setiap Kadi hendaklah menjaga daftar-daftar berjilid bagi pernikahan-pernikahan dan perceraian-perceraian dalam borang-borang yang terkandung masing-masing dalam Jadual Kelima dan Keenam yang mengandungi butir-butir mengenai semua perkara-perkara yang didaftarkan sebagaimana yang disebutkan sebelum ini oleh semua Pendaftar di dalam kawasan bidangkuasanya, termasuk perkara-perkara yang didaftarkan sedemikian oleh dirinya sendiri.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

90

PENG. 77

(3) Setiap Pendaftar selain daripada seorang Kadi hendaklah, sekurang-kurangnya sekali dalam setiap bulan, dan selain daripada itu pada bila-bila masa bila jumlah yang patut dibayar olehnya kepada Kerajaan yang berhubung dengan bayaran-bayaran yang diterima di bawah Bahagian ini melebihi \$50, menyerahkan kepada Kadi daerahnya semua buku-buku surat keterangan yang digunakan olehnya sebagai Pendaftar, dan membayar kepada Kadi, atau secara lain dikira dengan sahnya, semua jumlah yang harus dibayar kepada Kerajaan berhubung dengan bayaran-bayaran sebagaimana yang disebutkan sebelum ini :

Dengan syarat bahawa dalam hal kesukaran mengenai kenderaan Majlis boleh membenarkan Pendaftar untuk menyerahkan buku-buku dan wang demikian kepada Penghulu daerahnya dan Penghulu hendaklah dalam hal demikian menyerahkan buku-buku dan wang tersebut kepada Kadi.

(4) Kadi, setelah mencatat semua butir-butir yang berkenaan dalam daftar-daftarnya, hendaklah mengembalikan buku-buku surat keterangan yang ada pada ketika itu kepada Pendaftar, tetapi hendaklah menyimpan keratan-keratan buku-buku tersebut selama 5 tahun selepas catatan yang terakhir dibuat di dalamnya.

(5) Sebarang surat keterangan yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini, dan mana-mana catatan dalam daftar Kadi yang dibuat di bawahnya, hendaklah menjadi bukti keterangan yang memuaskan tentang kebenaran perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya, kecuali jikalau terbukti tidak betul.

(6) Selepas tamat tempoh 5 tahun daripada masa ianya dibuat, suatu catatan dalam Daftar Kadi yang dibuat di bawah bahagian ini dari Akta ini hendaklah menjadi bukti

yang muktamad tentang perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya, dan tiada bukti keterangan yang bertentangan dengannya boleh diterima.

153. (1) Semua daftar, keratan-keratan surat-surat keterangan dan dokumen-dokumen lain yang dipegang oleh mana-mana Pendaftar menurut bahagian ini dari Akta ini hendaklah menjadi dokumen-dokumen awam bagi maksud bagi mana-mana undang-undang yang boleh digunakan di Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan bukti keterangan dan hendaklah terbuka bagi pemeriksaan oleh sesiapa saja setelah membayar bayaran yang ditentukan dalam Jadual Ketujuh.

Pemeriksaan
dan salinan-
salinan

(2) Pendaftar hendaklah setelah membayar bayaran yang ditentukan dalam Jadual Ketujuh memberi kepada se-siapa saja suatu salinan sah bagi mana-mana catatan dalam suatu daftar, atau keratan, surat keterangan atau dokumen lain sebagaimana yang disebutkan sebelum ini dan suatu resit bagi bayaran demikian hendaklah dinyatakan dalam salinan sah demikian.

(3) Surat keterangan dalam mana-mana salinan sah dan resit bagi bayaran yang berhubung dengannya hendaklah dalam borang dalam Jadual Ketujuh.

154. (1) Sesiapa saja yang musykil oleh mana-mana perintah, perbuatan, keengganahan atau perkara yang ketinggalan dari seorang Pendaftar boleh dalam masa 14 hari daripada tarikh merayu —

Rayuan-
rayuan

(a) jika Pendaftar oleh Kadi Besar atau seorang Kadi, kepada Jawatankuasa Kehakiman ; atau

(b) dalam kes-kes lain, kepada Kadi daerah di mana Pendaftar bertindak demikian.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

92

PENG. 77

(2) Daripada mana-mana keputusan dari seorang Kadi yang diberikan ke atas suatu rayuan demikian suatu rayuan selanjutnya hendaklah dihadapkan kepada Jawatankuasa Kehakiman.

(3) Pihak berkuasa rayuan boleh memerintah pihak berkuasa kepada mana rayuan dibuat untuk melakukan atau tidak melakukan sebarang perbuatan yang patut dalam keadaan-keadaan tersebut telah dilakukan atau ditinggalkan dan boleh membuat perintah demikian sebagaimana yang dikehendaki oleh keadilan, termasuk suatu perintah untuk pembetulan mana-mana daftar pernikahan atau perceraian.

(4) Keputusan Jawatankuasa Kehakiman adalah muktamad, kecuali jikalau dalam mana-mana kes Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi alasan-alasan khas mengarah yang sebaliknya.

Pembetulan
daftar-
daftar

155. (1) Jika nampaknya bahawa mana-mana catatan dalam mana-mana daftar telah dibuat, atau mana-mana surat keterangan dikeluarkan, di bawah Bahagian ini dengan salah, dan bahawa kesalahan demikian patut dibetulkan, seorang Pendaftar atau sesiapa saja yang tersentuh oleh, tetapi tidak bertanggungjawab bagi, kesalahan sedemikian boleh memohon kepada Jawatankuasa Kehakiman bagi pembetulan daftar atau surat keterangan demikian.

(2) Jawatankuasa Kehakiman boleh, selepas siasatan sebagaimana yang patut, memerintah pembetulan yang sepatutnya.

Dengan syarat bahawa tiada perintah demikian boleh dibuat lebih daripada lima tahun setelah catatan tersebut dibuat, atau surat keterangan dikeluarkan, menurut mana-mana yang berkenaan.

(3) Sesiapa saja boleh diperintah untuk menyerahkan mana-mana dokumen kepada Pendaftar bagi pembetulan berikut dengan mana-mana perintah demikian.

156. Semua bayaran yang dikutip di bawah Bahagian ini hendaklah diselesaikan sebagaimana yang diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia menurut aturan.

Bayaran-bayaran

BAHAGIAN VII

NAFKAH ORANG-ORANG DALAM TANGGUNGAN

157. (1) Penggal XXXIII dari Undang-Undang Peraturan Jenayah tidak boleh digunakan di Negara Brunei Darussalam dalam kes bagi sebarang tuntutan bagi nafkah yang dibuat oleh seorang Islam terhadap seorang Islam.

Pengenaan

(2) Bahagian ini hanya boleh digunakan kepada tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh seorang Islam terhadap seorang Islam.

158. (1) Seorang perempuan bersuami boleh secara permohonan dalam Mahkamah Kadi memperolehi suatu perintah terhadap bekas suaminya bagi pembayaran dari semasa ke semasa bagi mana-mana jumlah demikian berhubung dengan nafkahnya sebagaimana yang dia berhak menurut hukum syarak.

Isteri-isteri

(2) Seorang perempuan yang telah diceraikan boleh secara permohonan dalam Mahkamah Kadi memperolehi suatu perintah terhadap bekas suaminya bagi pembayaran yang berhubung dengan tempoh *idah*, jika perceraian itu dengan *talak* satu atau dua, atau dalam mana-mana hal yang berhubung dengan tempoh dia mengandung oleh bekas suaminya, bagi mana-mana jumlah demikian yang berhubung dengan nafkahnya sebagaimana yang dia berhak menurut hukum syarak.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

94

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

(3) Seorang perempuan yang telah diceraikan dan yang tidak berhak kepada suatu Perintah bagi nafkah di bawah ceraian (2) boleh memohon kepada Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah itu boleh, jika ianya berpuas hati bahawa adalah adil dan patut untuk berbuat sedemikian memandang kepada semua keadaan-keadaan kes tersebut, membuat suatu perintah terhadap bekas suami bagi pembayaran olehnya bagi jumlah demikian bagi tempoh sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah :

Dengan syarat bahawa tiada perintah demikian boleh menghendaki bekas suami untuk membayar kepada bekas isteri mana-mana jumlah yang melebihi \$1,500 sebulan.

Kanak-kanak
halal yang
belum
dewasa

159. (1) Seorang budak yang belum dewasa boleh secara permohonan dalam Mahkamah Kadi, dibuat sama ada secara persendirian atau melalui seorang wakil sebagaimana yang ditetapkan dalam bab 83, memperolehi suatu perintah terhadap bapanya yang sah untuk menanggungnya bagi pembayaran dari masa ke semasa bagi mana-mana jumlah yang berhubung dengan nafkahnya sebagaimana yang dia berhak menurut hukum syarak.

(2) Hendaklah menjadi pembelaan yang memuaskan kepada mana-mana permohonan demikian bahawa pemohon mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menanggung dirinya.

Orang-
orang yang
uzur dan
berpenyakit

160. (1) Sesiapa saja yang tidak berdaya kerana uzur atau berpenyakit untuk menanggung dirinya boleh secara permohonan dalam Mahkamah Kadi memperolehi suatu perintah terhadap sesiapa saja yang bertanggungjawab menurut hukum syarak untuk menanggungnya bagi pembayaran dari masa ke semasa bagi mana-mana jumlah yang berhubung dengan nafkahnya sebagaimana yang patut.

Dengan syarat bahawa tiada sesiapa pun berhak kepada mana-mana perintah demikian jika dia menerima sebarang penceN atau elauN yang diberikan di bawah Peruntukan Akta Pencen Orang Tua dan Orang Cacat.

Penggal 18

(2) Kekurangan kewangan dalam pihak menentang hendaklah menjadi pembelaan yang mencukupi kepada mana-mana permohonan demikian.

161. (1) Jika seseorang lalai atau enggan menyara anaknya yang haram yang tidak dapat menyarakan dirinya, Mahkamah Kadi, atas buktinya yang memuaskan, boleh memerintah orang demikian untuk membayar elauN bulanan demikian sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah :

Kanak-kanak haram

Dengan syarat bahawa jika tuntutan dibuat terhadap bapa luar nikah tersebut, ianya hendaklah dihadapkan dalam Mahkamah Majistret, yang boleh memerintah orang demikian tidak melebihi \$500 sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah.

(2) ElauN demikian hendaklah dibayar mulai dari tarikh kelalaian atau kemungkirian demikian atau mulai dari tarikh yang terkemudian sebagaimana yang ditentukan dalam perintah tersebut.

162. Mana-mana perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini boleh dibatalkan atau diubah atas permohonan dari mana-mana orang yang berminat terhadapnya dan atas bukti mengenai perubahan keadaan-keadaan yang mustahak.

Pembatalan dan pengubahan perintah-perintah

163. Tanpa menyentuh hak sesiapa saja yang berminat terhadap mana-mana perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini untuk menguatkuasakan perintah tersebut dengan langkah perbicaraan secara perlaksanaan dalam sebuah Mahkamah Majistret atau dalam Mahkamah Kadi Besar menurut bab 90, Mahkamah yang membuat perintah tersebut boleh, dengan tidak menghiraukan mana-mana syarat dalam Akta ini yang

Penguatan kuasaan perintah-perintah

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
PENG. 77 Mahkamah-Mahkamah Kadi*

96

menyekat bidangkuasa jenayahnya atau kuasa-kuasa hukuman, jika sekiranya senghaja gagal untuk mematuhi, menghukum orang yang ingkar dengan hukuman penjara yang mana mungkin dipanjangkan, jika perintah tersebut menetapkan bayaran-bayaran bulanan, kepada satu minggu bagi elaun setiap bulan atau sebahagian daripadanya yang masih belum dibayar, tetapi tidak melebihi dalam semua satu bulan.

BAHAGIAN VIII

ORANG-ORANG MUALAF

Mendaftar orang-orang mualaf

164. Majlis hendaklah menyimpan suatu daftar nama-nama semua orang yang telah memeluk ugama Islam dalam Negara Brunei Darussalam, bersama dengan butir-butir demikian yang berhubung dengan penukaran agama mereka sebagaimana yang ditentukan oleh aturan.

Kawalan bagi memeluk ugama Islam

165. Tiada seseiapa pun boleh didaftarkan sebagai seorang yang telah memeluk ugama Islam melainkan menurut syarat-syarat Akta ini atau mana-mana aturan yang dibuat di bawahnya.

Tiada pendaftaran bagi kanak-kanak yang memeluk ugama Islam

166. Tiada seseiapa pun di bawah umur 14 tahun dan 7 bulan boleh didaftarkan sebagai seorang yang telah memeluk ugama Islam.

Pengislaman

167. (1) Jika seseiapa saja ingin untuk memeluk ugama Islam, dia hendaklah mengucap Dua *Kalimah Syahadat*, di hadapan mana-mana orang Islam dan selepas itu hendaklah hadir di hadapan Kadi daerah di mana dia biasanya tinggal.

(2) Kadi hendaklah membuat siasatan mengenai dengan umur orang demikian dan mengenai hasratnya untuk memeluk ugama Islam dan hendaklah, jika berpuas hati

bahawa dia berumur lebih daripada 14 tahun dan 7 bulan dan berhasrat untuk diislamkan, menghantarnya di bawah jagaan Majlis.

(3) Orang demikian hendaklah, dengan tidak menghiraukan sebarang hak kepada penjagaannya yang diserahkan dalam tangan mana-mana orang lain atau pertubuhan, ada dan berada dalam jagaan Majlis selama 3 bulan dan Majlis hendaklah menghantarnya kepada penjagaan Majlis dan juga perbelanjaan makanan, tempat tinggal, tunjuk ajar dan perbelanjaan-perbelanjaan yang mungkin berlaku semasa tempoh 3 bulan tersebut.

(4) Apabila tempoh selama 3 bulan itu telah tamat orang mualaf tersebut hendaklah berhenti daripada berada dalam jagaan Majlis, dan Majlis hendaklah, jika orang mualaf tersebut menghendaki sedemikian, membayar perbelanjaannya untuk pulang kepada jagaan penjaganya yang sah.

(5) Jika Kadi berpendapat bahawa pemohon tersebut berumur di bawah umur 14 tahun dan 7 bulan, dia hendaklah menggembalikannya kepada penjaganya yang sah dan dia hendaklah dianggap belum memeluk ugama Islam.

(6) Kadi hendaklah melaporkan semua tindakan yang telah diambil olehnya di bawah syarat-syarat bab ini kepada Penasihat Ugama.

(7) Dalam setiap laporan demikian Kadi hendaklah menyatakan sama ada pada pendapatnya orang mualaf tersebut telah mengucap *Dua Kalimah Syahadat* dengan kehendaknya sendiri atau dengan paksa.

(8) Tiada apa-apa pun yang terkandung dalam bab ini boleh berjalan untuk membenarkan mana-mana budak yang belum dewasa untuk diambil daripada jagaan penjaganya yang benar atau sah tanpa keizinan penjaganya yang benar atau sah itu.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

98

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Pengislaman
hendaklah
dilaporkan
kepada
Majlis

- 168.** Sesiapa saja yang melaksanakan suatu pengislaman hendaklah dengan serta-merta melaporkan pengislaman tersebut kepada Majlis bersama dengan semua butir-butir yang diperlukan.

BAHAGIAN IX

MURTAD

Murtad

- 169.** Sesiapa saja yang berugama Islam yang murtad daripada ugamanya hendaklah dengan serta-merta melaporkan kenyataan tersebut secara bertulis kepada Setiausaha.

BAHAGIAN X

KESALAHAN-KESALAHAN

Pengenaan

- 170.** (1) Kecuali dengan nyatanya ditetapkan secara lain dalam Akta ini, Bahagian ini hendaklah digunakan hanya kepada orang-orang yang menganut ugama Islam.

(2) Kecuali dengan nyatanya ditetapkan secara lain dalam Akta ini, tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan terhadap Akta ini boleh diadakan di mana-mana Mahkamah selain daripada Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi.

Kehadiran
di masjid

- 171.** Mana-mana lelaki yang berumur 15 tahun atau lebih gagal untuk menghadiri sembahyang pada hari Jumaat di sebuah masjid menurut syarat-syarat dari bab 133, tertakluk sebagaimana yang ditetapkan selepas ini, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$100 atau dalam hal kesalahan kedua, didenda sebanyak \$200 atau dalam hal kesalahan ketiga atau kesalahan-kesalahan yang berikutnya, didenda sebanyak \$500.

Dengan syarat bahawa tiada kesalahan boleh dilakukan oleh mana-mana orang demikian jika —

- (a) kehadiran dihalang oleh hujan ;
- (b) tempat dia tinggal lebih daripada 3 batu dengan jalan yang paling dekat dari sebuah masjid ; atau
- (c) dia telah dibebaskan dari hadir ke masjid oleh *pegawai masjid mukim* di mana dia biasanya tinggal atau, dengan alasan-alasan sakit atau tidak berada di tempat dia biasanya tinggal.

172. Barangsiapa dalam mana-mana kedai atau tempat awam yang lain membeli atau menjual atau meminum sebarang minuman yang memabukkan atau minuman lain yang ditegah oleh hukum syarak adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, didenda sebanyak \$500, atau dalam hal kesalahan kedua didenda sebanyak \$750 atau dalam hal kesalahan ketiga atau yang berikutnya didenda sebanyak \$1,000.

Minuman
yang
memabukkan

173. Barangsiapa selain daripada seseorang yang dikecualikan oleh hukum syarak, pada siang hari dalam bulan Ramadan makan di hadapan khalayak ramai atau menjual kepada seseorang yang berugama Islam untuk dimakan oleh mana-mana orang selain daripada orang yang dikecualikan sedemikian semasa waktu-waktu tersebut, sebarang makanan, minuman atau tembakau adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, didenda sebanyak \$500, atau, dalam hal kesalahan kedua didenda sebanyak \$750 atau dalam hal kesalahan ketiga atau yang berikutnya didenda sebanyak \$1,000.

Makanan
dalam
bulan
Ramadan

174. Jika sesiapa saja bertentangan dengan syarat-syarat dari bab 172 atau 173 telah menjual apa juu benda dalam kedudukannya sebagai pekerja kepada seseorang yang lain, majikannya adalah dianggap telah bersubahat melakukan

Anggapan

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

100

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

kesalahan tersebut dan telah menyebabkan berlakunya perbuatan demikian kecuali jikalau dia membuktikan bahawa kesalahan demikian telah dilakukan tanpa kebenaran, pengetahuan atau izinnya dan bahawa dia telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mencegah kejadian itu.

Meninggal-
kan
isteri

175. (1) Barangsiapa, setelah berkedudukan dengan isterinya dengan cara yang dikehendaki oleh hukum syarak dan setelah diperintah oleh Mahkamah untuk berkedudukan semula dengannya, dengan sengaja gagal atau lalai mematuhi perintah demikian adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, penjara selama satu bulan atau didenda sebanyak \$1,000.

(2) Barangsiapa yang menganiaya isterinya adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, penjara selama satu bulan atau didenda sebanyak \$1,000.

Isteri yang
ingkar

176. Mana-mana perempuan yang dengan sengaja mengingkari mana-mana perintah yang diberi oleh suaminya menurut hukum syarak adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, didenda sebanyak \$100 atau, dalam hal kesalahan kedua atau yang berikutnya, dipenjara selama 7 hari atau didenda sebanyak \$500 :

Dengan syarat bahawa adalah menjadi pembelaan yang memuaskan kepada mana-mana pendakwaan di bawah bab ini bahawa suami telah melakukan kesalahan lebih daripada sekali semasa satu tahun sebelumnya yang mencaci atau menganiaya yang tertuduh.

Khalwat

177. (1) Mana-mana lelaki Islam yang didapati bersendirian dan berhampiran dengan mana-mana perempuan yang mendatangkan syak, sama ada atau tidak menganut Islam selain daripada isterinya, atau seorang perempuan yang dengan sebab pertalian keluarga sedarah-sedaging, persaudaraan atau keluarga angkat dia ditegah oleh hukum syarak

untuk kahwin, adalah melakukan suatu kesalahan *Khalwat* : Hukuman, dipenjara selama satu bulan atau didenda sebanyak \$1,000, atau dalam hal kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, dipenjara selama 2 bulan atau didenda sebanyak \$2,000.

(2) Mana-mana perempuan Islam yang bersubahat melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 14 hari atau didenda sebanyak \$500, atau dalam hal kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya yang serupa yang dilakukan olehnya, dipenjara selama sebulan atau didenda sebanyak \$1,000.

(3) Mana-mana perempuan Islam yang didapati bersendirian atau berhampiran yang mendatangkan syak dengan mana-mana lelaki yang tidak menganut ugama Islam boleh dihukum dengan cara yang sama seolah-olah bagi suatu kesalahan daripada ceraian (2).

178. (1) Mana-mana lelaki, setelah menceraikan isterinya dengan sah, yang bersekedudukan semula dengan isterinya tanpa melafazkan rujuk yang sah adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama sebulan atau didenda sebanyak \$1,000, atau, jika isterinya pada ketika bersekedudukan semula demikian tidak menyedari tentang berlakunya perceraian tersebut, dipenjara selama 2 bulan atau didenda sebanyak \$2,000.

Persetubuhan
luar nikah

(2) Mana-mana perempuan yang bersubahat melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 7 hari atau didenda sebanyak \$200.

(3) Mana-mana orang yang melakukan persetubuhan dengan mana-mana orang yang dia, dan siapa yang diketahuinya atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa dia, ditegah oleh hukum syarak untuk kahwin, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dalam hal —

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

102

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

(a) seorang lelaki, dipenjara selama 5 tahun ; dan

(b) seorang perempuan, dipenjara selama satu tahun.

(4) Kecuali dalam kes-kes yang disebut dalam ceraian (1), (2) dan (3), barangsiapa yang bersalah melakukan perstebuhan luar nikah, sama ada atau tidak pihak yang lain kepada perstebuhan luar nikah demikian menganut ugama Islam, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 6 bulan atau didenda sebanyak \$5,000.

Mengakad-
kan
pernikahan
secara
tidak sah

179. Barangsiapa yang mengakadkan atau bertujuan untuk mengakadkan menurut hukum syarak mana-mana pernikahan di antara orang-orang yang kedua-duanya menganut ugama Islam yang bertentangan dengan syarat-syarat dari Bahagian VI, atau sengaja bertujuan untuk mengakadkan mana-mana perkahwinan demikian yang mana adalah tidak sah di bawah syarat-syarat dari Bahagian tersebut, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama satu bulan atau didenda sebanyak \$1,000.

Gagal
untuk
membuat
laporan

180. (1) Barangsiapa yang ditugaskan untuk melaporkan kepada Pendaftar mana-mana pernikahan atau perceraian, sengaja melalaikan atau gagal untuk berbuat sedemikian adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, didenda sebanyak \$200.

(2) Barangsiapa, yang ditugaskan untuk melaporkan atau setelah melaporkan, kepada seorang Pendaftar mana-mana pernikahan atau perceraian, dan setelah dikehendaki oleh Pendaftar demikian untuk memberi sebarang maklumat atau untuk melaksanakan atau menandatangani mana-mana dokumen yang diperlukan bagi maksud melaksanakan pendaftarannya, dengan sengaja melalaikan atau gagal untuk memenuhi kehendak-kehendak demikian adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, didenda sebanyak \$200.

(3) Barangsiapa yang membuat kepada mana-mana Pendaftar secara lisan atau bertulis dengan sengaja sebarang keterangan atau kenyataan palsu berhubung dengan mana-mana perkara yang dikehendaki di bawah syarat-syarat Akta ini untuk dicatat atau didaftarkan oleh Pendaftar tersebut adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama satu bulan atau didenda sebanyak \$1,000.

(4) Barangsiapa yang gagal untuk melaporkan mengenai murtadnya daripada ugama Islam menurut syarat-syarat dari bab 168A adalah melakukan kesalahan : Hukuman, didenda sebanyak \$1,000 atas sabit kesalahan oleh sebuah Mahkamah Majistret.

181. Barangsiapa yang bertentangan dengan syarat-syarat dari Bahagian VIII, mengislamkan atau bertujuan untuk mengislamkan sesiapa saja, atau, setelah dengan sengaja mengislamkan sesiapa saja, dengan sengaja melalaikan atau gagal untuk melaporkan pengislaman demikian kepada Majlis, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama sebulan atau didenda sebanyak \$1,000.

Pengislaman
yang tidak
sah

182. Barangsiapa, yang dipertanggungjawabkan oleh Akta ini dengan tugas mendaftar mana-mana perkara atau perbicaraan, atau untuk membuat, menyediakan, menyimpan atau menjaga mana-mana senarai penaksiran, laporan, buku akaun, anggaran, daftar, buku keratan, buku minit, atau senarai yuran, atau untuk mengeluarkan mana-mana surat keterangan, resit atau salinan sah, enggan atau sengaja melalaikan atau gagal untuk menjalankan tugas demikian, atau dengan sengaja menjalankan tugas tersebut dengan cara yang tidak sah dan tidak sempurna, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 3 bulan atau didenda sebanyak \$2,000.

Sengaja
melalaikan
tugas rasmi

183. Barangsiapa, melanggar syarat-syarat dari bab 34, dengan tidak sepatutnya memberitahu atau membocorkan rahsia mana-mana perkara, yang mana adalah tugasnya

Membocor
kan
rahsia

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Majlis Ugama Islam dan

104

PENG. 77

Mahkamah-Mahkamah Kadi

untuk merahsiakannya, kepada sesiapa saja yang tidak berhak untuk dimaklumkan mengenainya adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 3 bulan atau didenda sebanyak \$2000.

Masjid-masjid yang menyalahi undang-undang

184. Barangsiapa, bertentangan dengan syarat-syarat dari bab 124, mendirikan mana-mana masjid, atau mewakafkan atau secara lain menggunakan mana-mana bangunan yang ada sebagai atau bagi maksud-maksud sebuah masjid, tanpa kebenaran secara bertulis dari Majlis adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, didenda sebanyak \$10,000, dan Mahkamah boleh, tertakluk kepada sebarang hak dari mana-mana pihak ketiga, memerintah orang yang sabit kesalahannya untuk meroboh bangunan tersebut.

Pengajaran agama

185. Barangsiapa, kecuali di tempat kediamannya sendiri dan hanya di hadapan ahli-ahli keluarganya sendiri, mengajar atau mengakui untuk mengajar mana-mana ajaran ugama Islam tanpa kebenaran bertulis bagi pihak Majlis adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama satu bulan atau didenda sebanyak \$1,000.

Ajaran sesat

186. Barangsiapa yang mengajar atau menerangkan di hadapan awam sebarang ajaran atau melaksanakan sebarang upacara atau perbuatan yang berkaitan dengan ugama Islam dengan sebarang cara yang bertentangan dengan hukum syarak adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman dipenjara selama 3 bulan atau didenda sebanyak \$2,000.

Fatwa

187. Jika sesiapa saja, selain daripada Mufti atau seseorang bertindak di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta ini, mengeluarkan atau bertujuan untuk mengeluarkan sebarang fatwa mengenai mana-mana persoalan ajaran Islam dari hukum syarak atau Adat Brunei dia adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 3 bulan atau didenda sebanyak \$2,000.

188. Barangsiapa yang mencetak, menyiaran, menjual atau mengimport ke dalam Negara Brunei Darussalam untuk jualan mana-mana buku atau dokumen yang memberi atau bertujuan untuk memberi pengajaran mengenai sebarang perkara tentang ajaran Islam atau hukum syarak atau Adat Brunei adalah, jika buku atau dokumen demikian mengan dungi sebarang perkara yang bertentangan dengan hukum syarak atau ajaran Islam atau mana-mana fatwa yang dikeluarkan secara tidak sah, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 6 bulan atau didenda sebanyak \$4,000 dan buku atau dokumen demikian akan dirampas.

Buku-buku agama

189. Barangsiapa dalam sebarang pertunjukan sandiwara atau di mana-mana tempat hiburan awam menggunakan mana-mana petikan dari Al-Quran atau sebarang perkataan yang mempunyai pengertian yang suci kepada orang-orang yang menganut ugama Islam atau mengejek atau meniru dengan cara mengejek mana-mana perbuatan atau upacara yang berkaitan dengan ugama Islam adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama satu bulan atau didenda sebanyak \$8,000.

Menyalah gunakan Al-Quran

190. Barangsiapa yang bersalah melakukan sebarang penghinaan terhadap pihak berkuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam kedudukannya sebagai Ketua Ugama Islam bagi Negara Brunei Darussalam, atau bagi Majlis atau mana-mana Jawatankuasa atau Ahli atau Pegawainya, atau bagi mana-mana Mahkamah atau pegawai pengetuanya, atau mana-mana *pegawai masjid*, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama satu bulan atau didenda sebanyak \$1,000.

Penghinaan terhadap pihak-pihak berkuasa agama

191. Barangsiapa dengan perkataan-perkataan yang dicakapkan atau bertulis atau dengan pernyataan zahir mengeji atau menghina atau cuba untuk mengeji atau menghina ugama Islam atau kaul-kaul daripada mana-mana mazhab atau pengajaran mana-mana guru ugama yang diberikuasa dengan sahnya atau mana-mana fatwa yang dikeluarkan

Penghinaan terhadap agama

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

106

PENG. 77

Tidak
membayar
zakat atau
fitrah

dengan sah oleh Mufti di bawah syarat-syarat dari Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 6 bulan atau didenda sebanyak \$4,000.

192. (1) Barangsiapa, setelah ditaksirkan dengan sah sebagai bertanggungjawab untuk membayar mana-mana *zakat* atau *fitrah* dan gagal untuk memperolehi, secara rayuan atau jalan lain, pembatalan atau pengubahsuaian bagi penaksiran demikian, yang enggan atau sengaja gagal untuk membayar *zakat* dan *fitrah* tersebut, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 14 hari atau didenda sebanyak \$1,000.

(2) Sabit kesalahan di bawah bab ini tidak akan menghapuskan hutang tersebut.

(3) Mana-mana *zakat* atau *fitrah* yang harus dibayar oleh sesiapa saja atau nilai *zakat* dan *fitrah* tersebut boleh diperolehi kembali seolah-olah beras atau padi tersebut telah diperintahkan untuk dihantar kepada Majlis dengan suatu perintah yang sah dari sebuah Mahkamah atau seolah-olah nilainya dapat diperolehi kembali sebagai suatu denda yang dikenakan di bawah syarat-syarat dari Akta ini.

(4) Tertakluk kepada mana-mana rayuan yang dihadapkan secara sah, Mahkamah dalam apa perkara pun tidak boleh bertanya tentang keputusan mana-mana penaksiran kepada *zakat* atau *fitrah*.

Hasutan
untuk
meninggal-
kan
tugas
agama

193. Barangsiapa yang menghasut atau memujuk sesiapa saja yang berugama Islam untuk menahan daripada menghadiri mana-mana masjid atau daripada menghadiri pengajaran ugama Islam atau daripada membayar *zakat* atau *fitrah* atau daripada melakukan atau membayar apa saja yang dia bertanggungjawab untuk melakukan atau membayar di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 6 bulan atau didenda sebanyak \$4,000.

194. Barangsiapa yang mencuba untuk melakukan, atau menghasut berlakunya, mana-mana kesalahan terhadap Akta ini boleh dihukum dengan hukuman yang sama seolah-olah dia telah melakukan kesalahan demikian.

Percubaan-
percubaan
dan
subahat

195. Barangsiapa yang tidak berugama Islam, dengan sengaja menjual sebarang benda kepada seseorang yang berugama Islam, dan dari itu menyubahati suatu kesalahan bagi membeli dan menggunakan benda tersebut yang bertentangan dengan syarat-syarat dari bab 172 atau 173, bidangkuasa Mahkamah Majistret : Hukuman, didenda sebanyak \$400 atau dalam hal kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda sebanyak \$800.

Subahat, bab
172 dan 173

196. Barangsiapa yang tidak berugama Islam yang menyubahati sesiapa saja yang mana pada pengetahuannya berugama Islam yang melakukan sebarang kesalahan terhadap Akta ini, selain daripada kesalahan terhadap 172 daripadanya, adalah melakukan suatu kesalahan yang dalam bidangkuasa Mahkamah Majistret dan boleh dihukum menuar syarat-syarat dari Penggal V dari Kanun Hukuman Jenayah.

Subahat
oleh orang-
orang yang
bukan
Islam

Penggal 22

BAHAGIAN XI

AM

197. Pada menjalankan semua kuasa dan pelaksanaan semua tugas, selain daripada kuasa-kuasa dan tugas-tugas kehakiman, yang diberikan atau dikenakan oleh Akta ini, Kadi Besar hendaklah tertakluk kepada arahan-arahan am dan kawalan dari Mufti dan semua Kadi hendaklah dengan cara yang sama tertakluk kepada arahan-arahan am dan kawalan dari Kadi Besar.

Pengawasan
pegawai-
pegawai

198. (1) Hendaklah menjadi tugas Kadi Besar pada atau hampir permulaan dan penghujung setiap bulan untuk membuat siasatan mengenai dengan tarikh-tarikh bila bulan-bulan

Kelihatan
anak bulan

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

108

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

baru mungkin dapat dilihat, dan juga untuk membuat siasatan yang sepatutnya mengenai dengan tarikh-tarikh bila ianya sebenarnya dapat dilihat dan untuk mengesahkan kejadian dan tarikh demikian di bawah tandatangannya.

(2) Apabila memberi surat keterangannya sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, Kadi Besar hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Mufti, yang mana hendaklah menyembahkan maklumat tersebut kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

(3) Hendaklah menjadi anggapan yang tidak boleh ditolak menurut undang-undang bahawa bulan baru tersebut telah dilihat pertama kalinya pada tarikh yang disahkan sedemikian oleh Kadi Besar.

Kumpulan-
wang
simpanan

199. (1) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk menubuhkan dan mentadbirkan suatu kumpulanwang simpanan bagi faedah mana-mana atau semua kakitangan Majlis.

(2) Majlis sendiri hendaklah menjadi pemegang amanah bagi mana-mana kumpulanwang simpanan demikian, dan hendaklah memegang semua wang, pelaburan dan harta benda yang berkaitan dengannya sebagai kumpulanwang berasingan.

(3) Majlis boleh melantik Jawatankuasa Pengurusan untuk mentadbir mana-mana kumpulanwang simpanan demikian dan Jawatankuasa Pengurusan demikian boleh memasukkan orang-orang yang bukan ahli-ahli Majlis dan orang-orang yang menjadi waris kepada kumpulanwang tersebut.

(4) Majlis boleh melaburkan mana-mana wang atau harta benda dari mana-mana kumpulanwang simpanan demikian dalam mana-mana pelaburan oleh Akta ini, yang diberikuasa bagi pelaburan wang dan harta benda yang menukuhan Kumpulanwang Wakaf Am, dan hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang sama yang berhubung dengan penukaran pelaburan, penggunaan bank-bank dan perkara-perkara yang serupa yang berkaitan dengan Kumpulanwang Wakaf Am.

(5) Majlis boleh menyambungkan kepada mana-mana kumpulanwang simpanan demikian daripada wang dan harta benda yang membubuhkan Kumpulanwang Wakaf Am.

(6) Majlis boleh, dengan perkenan secara bertulis daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, membuat aturan-aturan untuk mengatur —

(a) penubuhan, pengelolaan, pentadbiran, dan pengurusan kumpulanwang simpanan ;

(b) perjalanan-perjalanan Jawatankuasa Pengurusan ;

(c) perjalanan-perjalanan bagi mesyuarat-mesyuarat penyumbang-penyumbang kepada kumpulanwang simpanan ;

(d) kelayakan penyumbang-penyumbang kepada kumpulanwang simpanan tersebut ;

(e) jumlah sumbangan-sumbangan dan syarat-syarat di atas mana ianya boleh diterima, dan dibayar ;

(f) penyerapan kumpulanwang-kumpulanwang yang lain atau pertubuhan-pertubuhan yang serupa ;

(g) pengubahan atau pindaan aturan-aturan yang menguasai kumpulanwang tersebut ; dan

(h) penggulungan bagi kumpulanwang tersebut.

(7) Majlis boleh menghentikan dan menggulungkan mana-mana kumpulanwang simpanan demikian.

(8) Perbelanjaan-perbelanjaan bagi mengurus dan mentadbirkan mana-mana kumpulanwang simpanan demikian hendaklah dibiayai oleh kumpulanwang tersebut.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

110

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

Perlindungan
bagi
Majlis,
Ahli-ahli
dan
pekerja-
pekerjanya

200. (1) Ahli Majlis tidak bertanggungjawab bagi mana-mana kehilangan yang terbit daripada atau yang berlaku apabila mana-mana pelaburan yang dibuat menurut syarat-syarat dari Akta ini, atau sebarang kegagalan untuk mengutip atau mendapatkan mana-mana wang dan harta benda Majlis, kecuali jikalau kehilangan demikian telah berlaku disebabkan oleh kecuaiannya yang sengaja atau penipuan.

(2) Mana-mana Ahli Majlis, dan mana-mana pekerja, wakil atau orang yang bertindak di bawah kuasa Majlis hendaklah dijamin oleh Majlis terhadap mana-mana tindakan atau perbicaraan bagi atau yang berhubung dengan mana-mana tindakan, perkara atau benda yang dilakukan dengan jujur atau ketinggalan yang patut dilakukannya pada menjalankan atau dijangka menjalankan mana-mana hak atau kuasa-kuasa Majlis atau Ahli-ahlinya.

Pengesahan
bagi
keputusan-
keputusan,
hukuman-
hukuman
dan perintah-
perintah

201. Mana-mana hukuman yang dijatuhkan, keputusan yang diberikan, perintah yang dibuat atau perbuatan yang dilakukan oleh Mahkamah-Mahkamah Kadi Besar atau Kadi sebelum berjalan kuatkuasa Akta ini, termasuk sebarang perintah yang dibuat yang berhubungan dengan mana-mana hukuman, keputusan, perintah atau tindakan demikian oleh pihak berkuasa rayuan, hendaklah dianggap menjadi sah dan sentiasa telah menjadi sah dan dalam bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah atau pihak berkuasa rayuan demikian.

Perkara-
perkara
yang
belum selesai

202. Peruntukan Akta ini hendaklah dikenakan, sebeberapa yang boleh, kepada semua perkara yang belum selesai dalam Mahkamah-Mahkamah Kadi Besar atau Kadi bila Akta ini berjalan kuatkuasanya.

Aturan-
aturan

203. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama Islam boleh, secara pemberitahuan yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan*, membuat aturan-aturan untuk menjalankan

syarat-syarat Akta ini, dan terutama sekali, tetapi tanpa menyentuh keluasan makna yang terdahulu, aturan-aturan demikian boleh menetapkan –

- (a) tatacara Majlis, bentuk dan kaedah pelaksanaan suratcara-suratcara oleh Majlis, dan lantikan bagi pegawai-pegawai rendah Majlis ;
- (b) bayaran-bayaran yang patut dibayar berhubung dengan mana-mana perbuatan atau benda yang dilakukan di bawah atau menurut Akta ini, dan kaedah mengutip dan menyelesaikan bayaran tersebut ;
- (c) kuasa-kuasa dan tugas-tugas Jawatankuasa-Jawatankuasa Undang-Undang dan Kehakiman, dan amalan dan tatacara berhubung dengan semua perkara dalam bidangkuasa mereka masing-masing ;
- (d) lantikan bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis dan kuasa-kuasa, tugas-tugas dan tatacaranya ;
- (e) amalan dan tatacara Mahkamah-Mahkamah Kadi Besar atau Kadi dan dalam mana-mana aturan demikian ianya hendaklah menjadi sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mengisytiharkan bahawa mana-mana syarat dari bab 51 hingga 96 hendaklah berhenti daripada berkuatkuasa ;
- (f) borang-borang, daftar-daftar, buku-buku akaun, laporan-laporan, akaun-akaun, anggaran-anggaran dan dokumen-dokumen lain yang patut digunakan berhubung dengan mana-mana perbuatan atau benda yang dilakukan di bawah atau menurut Akta ini ;

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

112

PENG. 77

- (g) kutipan, perbelanjaan dan penyelesaian mana-mana harta benda, pelaburan, dan kumpulan-wang yang patut dibayar kepada atau yang diletak dalam tangan Majlis ;
- (h) penggunaan bank-bank, dan akaun-akaun bank yang patut dibuka dan dijalankan, oleh Majlis ;
- (i) perjalanan mana-mana kutipan khairat, dan penyelesaian bagi keuntungan daripadanya ;
- (j) perjalanan mana-mana masjid dan semua perkara yang berkaitan dengannya ;
- (k) kuasa-kuasa dan tugas-tugas mana-mana pegawai masjid ;
- (l) menentukan dan menyiaran sempadan-sempadan mukim ;
- (m) kuasa-kuasa dan tugas-tugas Pendaftar-pendaftar Perkahwinan dan Perceraian Orang-orang Islam ;
- (n) jagaan dan pengajaran oleh Majlis bagi budak-budak yang memeluk ugama Islam, dan kaedah mendaftar mualaf-mualaf ; dan
- (o) perjalanan tempat-tempat pengajaran ugama Islam dan sekolah-sekolah.

204. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Ugama boleh dengan Perintah yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* meminda mana-mana Jadual kepada Akta ini.

205. Jika mana-mana perkara dihadapkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Akta ini, sama ada dalam Majlis Ugama atau tidak, bagi penentuan atau arahan-arahan Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang nyata dari Akta ini, mengeluarkan arahan-arahan demikian yang berbangkit daripadanya secara bertulis yang ditandatangani

Pindaan
Jadual-
Jadual

Kebawah
Duli Yang
Maha Mulia
boleh
mengeluarkan
arahan-
arah yang
ber-
bangkit

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagaimana yang Baginda fikirkan perlu, untuk menjalankan dengan sempurna penentuan atau arahan-arahan demikian.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

114

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

JADUAL PERTAMA

BORANG A

(Bab 120 (1))

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77

Aturan-Aturan Zakat dan Fitrah

Borang 1

Aturan 10

Bil.

RESIT RASMI BAGI ZAKAT

Diterima daripada

Bilangan Penaksiran

Tarikh

Jumlah

*bagi pihak Penguasa Baitulmal
Zakat dan Fitrah*

Nama Amil :

Tandatangan :

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

PENG. 77

115

BORANG B

(Bab 120 (1))

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77

<p>Aturan-Aturan Zakat dan Fitrah</p> <p>Borang J Aturan 10</p> <p>RESIT RASMI BAGI FITRAH</p> <p>Bil. :</p> <p>Diterima Satu Fitrah</p> <p>Tarikh :</p>	<p>Aturan-Aturan Zakat dan Fitrah</p> <p>Borang J Aturan 10</p> <p>RESIT RASMI BAGI FITRAH</p> <p>Bil. :</p> <p>Diterima Satu Fitrah</p> <p>Tarikh :</p>
---	---

BORANG C

(Bab 122 (2))

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77

Penerimaan Khairat

Diterima daripada

sebanyak ringgit
untuk khairat

Tarikh :

.....
*Pemungut yang dibenarkan
bagi Setiausaha Majlis*

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

116

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

JADUAL KEDUA

(Bab 143 (1) & (4))

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77

Surat Keterangan Nikah dan Butir-butir Bayaran Nikah

Dikeluarkan dalam dua salinan

Bilangan Registri

Nama Suami dan Taraf Kebangsaan

Nama Isteri dan Taraf Kebangsaan

Wali atau Wakil

Saksi-saksi

Mahar

Tempat Nikah

Bayaran \$1.00

Kadi

JADUAL KETIGA

(Bab 143 (5), 144 (2), 145 (2) dan (3), 146 (2) dan 147 (4))

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77

Surat Keterangan Cerai dan Butir-butir Bayaran Cerai

Dikeluarkan dalam dua salinan

Bilangan Registri

Nama Suami dan Taraf Kebangsaan

Nama Isteri dan Taraf Kebangsaan

Taraf Talak

Tempat Kediaman Suami dan Isteri

Tarikh Perceraian

Bayaran \$1.00

Kadi

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

118

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

JADUAL KEEMPAT

(Bab 150 (3))

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77

Surat Keterangan Rujuk

Dikeluarkan dalam dua salinan

Bilangan Registri

Bilangan Surat Nikah Asal

Tarikh

Bilangan Surat Talak Awal

Tarikh

Nama Suami dan Taraf Kebangsaan

Nama Isteri dan Taraf Kebangsaan

Nama Saksi-saksi

Bayaran \$2.00

Kadi

JADUAL KELIMA

(Bab 152 (2))

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77

Daftar Nikah

Bilangan

Nama Suami dan Taraf Kebangsaan

Nama Isteri dan Taraf Kebangsaan

Nama Wali atau Wakil

Nama Saksi-saksi

Mahar

Baki Mahar jika ada

Tempat Nikah

Umur Suami

Umur Isteri

Tarikh

Kadi

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

120

PENG. 77

*Majlis Ugama Islam dan
Mahkamah-Mahkamah Kadi*

JADUAL KEENAM

(Bab 152(2))

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 7

Daftar Cerai

Bilangan

Nama Suami dan Taraf Kebangsaan

Nama Isteri dan Taraf Kebangsaan

Taraf Talak

Tarikh

Nama Saksi-saksi

Umur Suami

Umur Isteri

Tempat Kediaman Suami dan Isteri

Tarikh

Ulasan

Kadi

JADUAL KETUJUH

(Bab 153)

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77

Bayaran bagi Pemeriksaan Dokumen-Dokumen

Saya dengan ini mengaku bahawa yang di atas ini adalah
salinan yang benar dan bayaran
\$1.00 telah dibayar berkenaan dengannya.

Pendaftar

